



PENELITIAN UNSUR DISFEMISME ASPEK KEPIMPINAN DALAM DIALOG FILEM
TIGA ABDUL DAN PENDEKAR BUJANG LAPOK. SATU PENELITIAN TEORI
KONSEPTUAL KATA KUNCI

NUR ZAHIRAA' NABIHAH BINTI JAMBURI

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN
IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN KEPUJIAN
2024



**PENELITIAN UNSUR DISFEMISME ASPEK KEPIMPINAN DALAM DIALOG
FILEM TIGA ABDUL DAN PENDEKAR BUJANG LAPOK. SATU PENELITIAN TEORI
KONSEPTUAL KATA KUNCI**

Oleh

NUR ZAHIRAA' NABIHAH BINTI JAMBURI

Tesis ini dikemukakan bagi memenuhi kehendak Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan
dengan Kepujian

Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2024

PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

- | | | |
|-------------------------------------|----------------|---|
| <input checked="" type="checkbox"/> | TERBUKA | Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh) |
| <input type="checkbox"/> | SEKATAN | Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah.

Dari tarikh _____ hingga _____
(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)* |
| <input type="checkbox"/> | SULIT | (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)* |
| <input type="checkbox"/> | TERHAD | |

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut :

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan Utama


.....
(NUR ZAHIRAA' NABIHAH)
BINTI JAMBURI

Tarikh : 25 Februari 2024

Tandatangan Penyelia


.....
(TS. DR. MOHD SAIPUDDIN)
BIN SULIMAN

Tarikh : 25 Februari 2024

Nota: *Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila kepilkan Bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekata.

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah SWT yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Alhamdulillah, Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan rasa syukur ke hadrat Ilahi di atas limpah dan kurnia-Nya yang telah mempermudahkan segalanya untuk saya menyiapkan kajian penyelidikan saya ini yang bertajuk Penelitian Unsur Disfemisme Aspek Kepimpinan dalam Dialog Filem *Tiga Abdul* dan *Pendekar Bujang Lapok*. Satu Penelitian Teori Konseptual Kata Kunci dengan jayanya walaupun melalui pelbagai kekangan dan rintangan bagi memenuhi syarat Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan dengan Kepujian dalam jurusan bidang Kesusasteraan Warisan.

Saya dengan rasa rendah diri ingin mengucapkan sekalung penghargaan dan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung membantu saya untuk menyiapkan tugasani ini. Terutamanya pensyarah selaku penyelia saya sendiri iaitu Ts. Dr. Mohd Saipuddin Bin Suliman yang penuh komited dan sabar dalam membantu saya melaksanakan kajian penyelidikan. Beliau banyak memberi tunjuk ajar serta maklumat berkaitan projek penyelidikan ini.

Akhir sekali, saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada ibu bapa saya yang tercinta yang sentiasa mendoakan, memberi sokongan, nasihat dan semangat sepanjang melaksanakan kajian penyelidikan ini. Tidak lupa juga kepada adik-beradik dan rakan-rakan seperjuangan yang banyak memberi pertolongan dan bimbingan kepada saya. Semoga semuanya berada dalam lindungan Allah SWT yang maha Esa. Segala pengorbanan yang dilakukan amat dihargai dan semoga mendapat kebaikan.

Sekian, terima kasih.

ISI KANDUNGAN

KANDUNGAN

PERAKUAN TESIS

i

PENGHARGAAN

ii

ISI KANDUNGAN

iii

ABSTRAK

viii

ABSTRACT

ix

BAB 1 PENDAHULUAN

1.0	Pengenalan	1
1.1	Latar Belakang Kajian	2-5
1.2	Pernyataan Masalah	6
1.3	Persoalan Kajian	7
1.4	Objektif Kajian	7
1.5	Skop Kajian	8
1.6	Kepentingan Kajian	9
1.7	Definisi Istilah dan Konsep	10-11
1.8	Organisasi Kajian	12-13
1.9	Kesimpulan	14

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.0	Pengenalan	15
2.1	Kajian Berkaitan Unsur Disfemisme	16-22
2.2	Kajian Berkaitan Aspek Kepimpinan	23-24

2.3	Kajian Berkaitan Filem P. Ramlee	25-27
2.4	Kajian Berkaitan Teori Konseptual Kata Kunci (2005)	27-31
2.5	Kesimpulan	32

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.0	Pengenalan	33
3.1	Kajian Kualitatif	34
3.2	Reka Bentuk Kajian	34
	3.2.1 Dokumentasi	35
3.3	Kaedah Kajian	35
	3.3.1 Kaedah Kepustakaan	36
	I. Pemerolehan Data	36
	II. Pengumpulan Dan Pemprosesan Data	37
	3.3.2 Kaedah Analisis Visual	37-38
	3.3.3 Kaedah Laman Sesawang	38
3.4	Carta Alir Metodologi Kajian	39-40
3.5	Penerapan Teori Konseptual Kata Kunci	40-42
3.6	Prinsip Pemilihan Kata	42-43
3.7	Prinsip Kepengaruhuan	43
3.8	Prinsip Kesan	44
3.9	Kerangka Teori	45-46
4.0	Kesimpulan	47

BAB 4 ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	48
4.2	Kepimpinan	49-50
	A Unsur Disfemisme dalam Dialog Filem <i>Tiga Abdul</i> daripada Aspek Kepimpinan	50
4.3	Konflik Keluarga	51-54
4.4	Kecanggungan Masyarakat	55-56
	B Unsur Disfemisme dalam Dialog Filem <i>Pendekar Bujang Lapok</i> daripada Aspek Kepimpinan	57
4.5	Jalinan Persahabatan	57-58
4.6	Konflik Keluarga	58-59
4.7	Kecanggungan Masyarakat	59-61
4.8	Kesan Penggunaan Unsur Disfemisme dalam Dialog Filem <i>Tiga Abdul</i> dan <i>Pendekar Bujang Lapok</i>	62-75
4.9	Penutup	75

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 5 KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	76
5.2	Rumusan Kajian	76-78
5.3	Implikasi Kajian	78-79
5.4	Cadangan	80
	5.4.1 Filem yang Dihasilkan Perlu Membentuk Minda Masyarakat ke Arah Kebaikan	80-81
	5.4.2 Kementerian Pendidikan Perlu Menambah Baik Kandungan Silibus Subjek Berkaitan Kesusastraan dan Menyediakan Kursus Tambahan Bagi Para Pelajar	81
	5.4.3 Pihak Industri Perfileman Perlu Menyediakan Dana Secukupnya Untuk Menghasilkan Filem Berkualiti	82
	5.4.4 Pengkaji Lain Harus Melaksanakan Kajian Tambahan	82-83
5.5	Kesimpulan	83
	BIBLIOGRAFI	84-88

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

SENARAI JADUAL

BIL	PERKARA	HALAMAN
3.4	Carta Alir Metodologi Kajian	39
3.9	Kerangka Teori	45
4.2	Kepimpinan	50
	Rajah 1: Unsur Disfemisme Aspek Kepimpinan Melalui Teori Konseptual Kata Kunci (Secara Umum)	50
4.8	Kesan Penggunaan Unsur Disfemisme dalam Dialog Filem <i>Tiga Abdul</i> <i>dan Pendekar Bujang Lapok</i>	62
	Rajah 2: Kesan Penggunaan Unsur Disfemisme (Secara Umum)	62

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Penelitian Unsur Disfemisme Aspek Kepimpinan dalam Dialog Filem *Tiga Abdul* dan *Pendekar Bujang Lapok*. Satu Penelitian Teori Konseptual Kata Kunci

ABSTRAK

Disfemisme adalah gaya bahasa yang kasar atau tidak sopan digunakan supaya memberi kesan negatif dalam pertuturan. Disfemisme menguatkan maksud tertentu, mengekspresi perasaan dan emosi dalam sesebuah karya. Tidak dinafikan juga digunakan sebagai senjata bagi menyerang lawan, meluahkan kekecewaan, kemarahan dan pelbagai emosi lain. Tujuan utama kajian ini adalah mengenal pasti disfemisme aspek kepimpinan dan membincangkan kesan penggunaan disfemisme dalam dialog filem *Tiga Abdul* dan *Pendekar Bujang Lapok* karya P. Ramlee. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif iaitu kaedah dokumentasi. Kaedah kajian yang digunakan analisis visual, kaedah kepustakaan dan kaedah laman sesawang. Pengkaji mengaplikasikan teori Konseptual Kata Kunci (2005) melalui prinsip pemilihan kata. Hasil dapatkan kajian ini, pengkaji telah menemukan dua hubungan dan tiga peranan yang boleh dilihat berdasarkan aspek kepimpinan dalam filem *Tiga Abdul* iaitu konflik keluarga melalui peranan bapa dan anak, peranan adik-beradik serta kecanggungan masyarakat iaitu peranan majikan dan pekerja. Filem *Pendekar Bujang Lapok* pula terdapat tiga hubungan dan terbahagi kepada empat peranan adalah Jalinan persahabatan menunjukkan peranan dengan sahabat. Selain itu, konflik keluarga berdasarkan peranan suami dan isteri dan yang terakhir adalah kecanggungan masyarakat melalui peranan guru dan pelajar serta peranan majikan dan pekerja. Manakala bagi kesan disfemisme dapat dilihat kata-kata disfemisme mati, kematian, mampus, bodoh, bahlul, busuk, buta, gila, tergila-gila, jembalang, jin, mambang, jantina, betina, khadam dan najis yang telah membuktikan bahawa kata-kata kasar sedemikian membawa kesan-kesan mendalam pada diri, keluarga dan masyarakat mengikut penggunaan konteks dialog yang bersesuaian. Justeru itu, unsur disfemisme di dalam filem terpilih *Tiga Abdul* dan *Pendekar Bujang Lapok* sememangnya mampu memberi pengajaran dalam membentuk dan kesantunan dalam berbahasa kepada khalayak untuk komunikasi harian.

Kata Kunci: Disfemisme, Filem *Tiga Abdul* dan *Pendekar Bujang Lapok*, P. Ramlee, Aspek Kepimpinan, Teori Konseptual Kata Kunci

Research on Dysphemism Elements of Leadership Aspects in Film Dialogues *Tiga Abdul* and *Pendekar Bujang Lapok*. One of a study the conceptual theory of keywords

ABSTRACT

Dysphemism is a rude or impolite style of language used to have a negative effect in speech. Dysphemism reinforces a certain meaning, expressing feelings and emotions in a work. Undeniably also used as a weapon to attack opponents, express frustration, anger and various other emotions. The main purpose of this study is to identify dysphemism aspects of leadership and discuss the effects of using dysphemism in film dialogue *Tiga Abdul* and *Pendekar Bujang Lapok* by P. Ramlee. This study uses a method qualitative which is a documentation. The research methods used are visual analysis, library methods and website methods. The researcher applied the Conceptual Theory of Keywords (2005) through the principle of word selection. The results of this study, the researcher has found two relationships and three roles that can be seen based on the leadership aspect in the film *Tiga Abdul* which is family conflict through the roles of father and daughter, the role of siblings and the awkwardness of society which is the role of employer and employee. Film *Pendekar Bujang Lapok* also had three relationships and divided into four roles which is friendship bonds known as roles with friends. In addition, family conflict is based on the roles of husband and wife, the awkwardness of society through role of teacher and student, lastly the role of employer and employee. While the effect of dysphemism can be seen in the words, die, death, stupid, rotten, blind, crazy, goblin, jinn, gender, female and others which have proven that the words such rudeness brings profound effects on oneself, family and society according to the use of the appropriate dialogue context. Thus, the element of dysphemism in the selected film *Tiga Abdul* and *Pendekar Bujang Lapok* indeed able to teach lessons in shaping and politeness in speaking to the audience for daily communication.

Keywords: Dysphemism, Film *Tiga Abdul* and *Pendekar Bujang Lapok*, P. Ramlee, Aspects of Leadership, Conceptual Theory of Keywords

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Pada bab satu mengandungi pengenalan berkaitan kajian yang dilaksanakan. Bab satu yang merangkumi latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian, kepentingan kajian, definisi istilah dan konsep, organisasi kajian dan kesimpulan. Kajian ini bertujuan untuk menyempurnakan kajian yang dikaji bagi menambahkan bahan ilmu pengetahuan. Pengkaji akan melakukan kajian lebih mendalam berdasarkan objektif yang ditetapkan dalam unsur disfemisme aspek kepimpinan dalam dialog filem *Tiga Abdul* dan *Pendekar Bujang Lapok* karya P. Ramlee dengan menggunakan teori Konseptual Kata Kunci.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Disfemisme merupakan satu ungkapan yang kesat, kurang sopan, menyakitkan hati dan menimbulkan perasaan tidak senang kepada orang lain secara tak langsung menyebabkan sesuatu situasi menjadi lebih buruk dan tidak santun. Menurut Vioni Saputri, Syahrul Ramadhan dan Yasnur Asri (2019) mengatakan bahawa disfemisme adalah gaya bahasa yang kasar digunakan supaya memberi kesan negatif dalam pertuturan dan secara ringkasnya disfemisme adalah pengasaran makna. Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2021) disfemisme memberi definisi ungkapan atau kata yang kasar untuk menggantikan ungkapan atau kata yang halus seperti lembut dan sopan. Menurut pandangan Norazilah Buhari, Nor Azlili dan Nik Norazira (2020) mengatakan disfemisme adalah antonim daripada eufemisme menyebabkan proses penggantian kata bermakna halus kepada kata yang kasar. Menurut Elisa Nurul Laili (2017) menyatakan disfemisme juga berperanan penting dalam menegaskan, menghujah dan menguatkan makna dalam konteks tertentu agar tujuan ungkapan sampai kepada pendengar dan pembaca.

Seterusnya, menurut Elisa Nur Laili (2017) mengatakan bahawa ketidaksantunan berlaku akibat perlakuan tidak sopan menjadi punca kesal, kecewa dan sakit hati mengenai sesuatu kepada seseorang itu disebut sebagai disfemisme. Menurut Icha Dwi dan Ngusman (2023) menyatakan bahawa ada enam fungsi khusus disfemisme yang digunakan adalah untuk merendahkan atau menghina seperti tabu dan tidak senonoh bagi menunjukkan rasa tidak suka. Selain itu, penggunaan bahasa yang kasar berdasarkan unsur disfemisme dapat membantu menunjukkan perasaan dan emosi dalam sesebuah filem. Hal ini juga dikatakan dapat

mewujudkan sindiran dan tekanan oleh pengarah kepada para penonton tentang gejala sosial yang dihadapi dalam kehidupan ini.

Selain itu, kepimpinan juga menjadi salah satu panduan utama untuk menghasilkan kajian pengkaji. Menurut Harold Koontz dan Heinz Weihrich (1997) dalam Mohamad Mokhtar Hassan (2005, p.81), aspek kepimpinan membawa makna pengaruh, seni atau proses mempengaruhi orang agar mereka terus berjuang dengan kerelaan hati dan penuh bersemangat mencapai matlamat kumpulan. Pemimpin bertindak bertujuan memberi bantuan kepada kumpulan agar mencapai objektif mengikuti keupayaan penggunaan kemampuan maksimum mereka. Aspek ini juga dapat dilihat daripada pandangan pemimpin dan kepimpinan yang saling berkait rapat sebagai penjana perubahan masyarakat. Rentetan oleh Usman Awang (1987) dalam Mohamad Mokhtar Hassan (2005, p.84) bahawa “kita harus melihat pemimpin seperti mana yang kita harapkan memimpin bangsa dan negara.”

Di samping itu, elemen penting dalam kajian ini adalah filem yang terpilih. Filem dikatakan sebagai salah satu cabang seni yang memberikan impak luar biasa kepada masyarakat. Filem dicipta dengan menggunakan kamera untuk merakam visual bergerak yang memaparkan jalan penceritaan yang ditulis, reaksi muka, visual, bunyi dan skrip diolah dalam bentuk dialog. Filem adalah sebuah lakonan yang dilakukan secara realiti dalam menjawai sesbuah watak filem. Filem menghubungkan nilai kepada masyarakat. Terdapat banyak genre filem yang berhasil supaya dapat menarik minat penonton. Rentetan oleh Nor Hafizah (2016) memberi kenyataan bahawa filem adalah merupakan salah satu unsur hiburan utama wujud dalam negara ini.

Terdapat banyak variasi genre filem yang telah dipaparkan daripada dulu sehingga sekarang kepada masyarakat Malaysia. Rentetan oleh Rosmawati dan Azimah (2016) filem dapat diluahkan melalui realiti dengan realiti berdasarkan penggunaan pada bahasa metafora dalam bahasa filem. Sebuah filem itu muncul setelah satu fenomena budaya teknologi pada tahun akhir abad ke-19 memberi kesan yang cukup kepada kumpulan pengeluar budaya, institusi dan penonton pada ketika itu. Dialog juga memberi peranan penting dalam pembuatan filem. Terdapat empat peranan dialog iaitu bagi menggerakkan naratif, membuka sisi perwatakan yang tidak dipaparkan secara visual, melihat peristiwa lampau dan menyatukan atmosfera dalam sebuah filem.

Menerusi penerokaan kajian ini akan memberi fokus kepada penggunaan unsur disfemisme , fungsi penggunaan disfemisme dan juga prinsip pemilihan kata dalam filem *Tiga Abdul* dan *Pendekar Bujang Lapok* karya P. Ramlee dengan menggunakan teori Konseptual Kata Kunci (2005). Filem-filem arahan P. Ramlee dipilih kerana mempunyai kekuatan daripada aspek pengarahan, lakonan, teks, gaya persembahan dan kombinasi elemen filem yang mendapat sambutan hangat dalam kalangan penonton mengikut lingkungan umur dari muda hingga tua. Filem-filem terpilih kerana ianya boleh diambil sebagai pengajaran untuk kehidupan seharian. Hal ini kerana penghasilan karya beliau sarat dengan mesej yang tersirat dan bernilai sesuai untuk semua lapisan masyarakat. Maka dengan itu, teguran, nasihat dan pengajaran dapat dijadikan teladan dan pedoman untuk menjalani kehidupan lebih baik.

Pengkaji menjalankan kajian ini demi memberi kesedaran kepada khalayak tentang kepentingan kesantunan berbahasa dalam kehidupan. Kajian ini menggunakan teori Konseptual Kata Kunci oleh Mohamad Mokhtar Hassan pada tahun 2005. Terdapat tiga prinsip yang ada pada teori ini iaitu prinsip kepengaruan, pemilihan kata dan kesan. Hanya satu prinsip digunakan untuk dijadikan rujukan kajian iaitu pemilihan kata. Kajian ini juga mempunyai kepentingan tersendiri yang mana menunjukkan disfemisme yang ada dalam filem memainkan peranan penting untuk kehidupan daripada segi mental dan fizikal sama ada emosi serta sahsiah diri sesuai bagi generasi kini dan seterusnya.



1.2 Pernyataan Masalah

Pernyataan masalah atau umum dikenali sebagai *problem statements* selaras dengan sesuatu perkara membuktikan sama ada memiliki kebenaran atau sebaliknya melalui dapatan kajian dan digunakan dalam kajian. Seterusnya, dibentuk untuk tidak hanya menumpukan kepada pemerolehan jawapan daripada masalah yang akan dihadapi (Mahyuddin K. M. Nasution, 2017). Berdasarkan kajian-kajian terdahulu yang telah dianalisis, didapati kajian berkaitan dengan disfemisme masih kurang diberikan perhatian oleh kalangan pengkaji bahasa tempatan berbanding pengkaji dari seberang, Indonesia. Terutamanya mengenai penggunaan unsur disfemisme dalam filem. Setakat ini, setelah membuat beberapa penelitian didapati tiada lagi kajian yang dilakukan terhadap unsur disfemisme aspek kepimpinan dalam dialog P. Ramlee dengan menggunakan prinsip pemilihan kata dalam teori Konseptual Kata Kunci (2005). Namun begitu, antara kajian terdahulu yang melibatkan unsur disfemisme, teori Konseptual Kata Kunci (2005) dan filem P. Ramlee telah wujud. Antaranya adalah Norazilah, Nor Azlili dan Nik Norazira (2020) dalam kajian yang bertajuk Unsur Disfemisme: Ragam Bahasa Dalam Novel *Kasyaf Ain*. Kajian Vioni Saputri, Syahrul Ramadhan dan Yasnur Asri (2019) bertajuk Eufemisme dan Disfemisme dalam Novel Karya *Pramoedya Ananta Toer*". Kajian oleh Elisa Nurul Laili (2017) dalam tajuk Disfemisme dalam Perspektif Semantik, Sosiolinguistik, dan Analisis Wacana. Berdasarkan maklumat tersebut, Malaysia kurang memberi pendedahan tentang disfemisme daripada pelbagai sudut pandang kajian. Filem P. Ramlee juga mampu menjadi media penyampaian mengenai kesantunan yang perlu dipupuk dalam diri setiap lapisan masyarakat. Justeru itu, pengkaji menggabungkan elemen-elemen penting dalam kajian yang dihasilkan bagi mengukuhkan hujahan .

1.3 Persoalan Kajian

Terdapat beberapa persoalan yang telah menjadi tanda tanya dalam kotak pemikiran pengkaji supaya dapat melaksanakan kajian lebih mendalam mengenai tajuk ini:

- I. Apakah unsur disfemisme aspek kepimpinan dalam dialog filem *Tiga Abdul* dan *Pendekar Bujang Lapok* karya P. Ramlee Berdasarkan teori Konseptual Kata Kunci (2005)?
- II. Apakah kesan penggunaan disfemisme dalam dialog filem *Tiga Abdul* dan *Pendekar Bujang Lapok* karya P. Ramlee?

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk:

- I. Mengenal pasti unsur disfemisme aspek kepimpinan dalam dialog filem *Tiga Abdul* dan *Pendekar Bujang Lapok* karya P. Ramlee berdasarkan teori Konseptual Kata Kunci (2005).
- II. Menganalisis kesan penggunaan unsur disfemisme dalam dialog filem *Tiga Abdul* dan *Pendekar Bujang Lapok* karya P. Ramlee.

1.5 Skop Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji telah melaksanakan kajian bertujuan untuk mengenalpasti unsur disfemisme, aspek kepimpinan, fungsi penggunaan disfemisme dan teori Konseptual Kata Kunci (2005) dalam dialog filem *Tiga Abdul* dan *Pendekar Bujang Lapok* karya P. Ramlee. Kajian ini juga tertumpu kepada filem arahan P. Ramlee yang bertajuk *Tiga Abdul* dan *Pendekar Bujang Lapok*. Pengkaji memilih filem P. Ramlee kerana beliau telah memenangi telah gelaran *The Most Versatile Talent* dalam Festival Filem Asia ke-10 di Tokyo (Perpustakaan Negara Malaysia, 2021). Beliau juga adalah pelakon Melayu pertama yang memenangi anugerah istimewa ini. Beliau telah menghasilkan sebanyak 35 filem arahan sendiri . Pengkaji juga memilih kedua-dua filem ini kerana ianya merupakan hasil kreativiti beliau sendiri dan salah satu filem yang dipilih iaitu Pendekar Bujang Lapok merupakan filem Melayu pertama yang menerima anugerah Filem Komedi Terbaik di Festival Filem Asia Pasifik ke-6 (Perpustakaan Negara Malaysia, 2021). Pengkaji hanya menggunakan platform secara atas talian bagi penontonan filem-filem terpilih. Kajian ini juga menggunakan teori Konseptual Kata Kunci (2005) digagaskan oleh Mokhtar Hassan melalui prinsip pemilihan kata. Isu yang terdapat dalam kajian ini melibatkan aspek kepimpinan melalui masyarakat berdasarkan disfemisme yang kurang dilihat dan pendedahan terhadap disfemisme dalam kalangan pengkaji-pengkaji bahasa tempatan tidak memberangsangkan. Ianya juga bertujuan untuk menambah rujukan kajian bagi filem. Masyarakat sekarang juga kurang mengambil berat tentang kesantunan bahasa. Metodologi kajian yang digunakan adalah kualitatif dengan menggunakan kaedah dokumentasi, kepustakaan, analisis visual dan kaedah laman sesawang. Secara tuntasnya, unsur disfemisme dan filem-filem ini telah dipilih kerana analisis yang ingin diperolehi mampu membawa mesej penting yang cuba dipaparkan sesuai dengan teori Konseptual Kata Kunci (2005).

1.6 Kepentingan Kajian

Terdapat beberapa kepentingan dalam melaksanakan kajian ini kerana dapat membentuk masyarakat yang mempunyai kesantunan yang tinggi. Menerusi filem *Tiga Abdul dan Pendekar Bujang Lapok* mempunyai pelbagai aspek yang boleh digunakan untuk merangsang pengetahuan mengenai disfemisme. Antara kepentingan melalui individu adalah kajian ini diharapkan mampu memberi sumber tambahan bagi pengkaji yang berminat terhadap kajian unsur disfemisme, filem dan teori Konseptual Kata Kunci (2005) agar sesuai untuk pembelajaran yang khususnya subjek kesusastraan di Malaysia. Selain itu, masyarakat akan lebih menghayati, memahami dan mengambil iktibar dalam kajian yang dihasilkan. Dalam konteks ini, pengkaji ingin menggariskan kepentingan bahawa bahasa mempunyai pelbagai fungsi dan unsur disfemisme hanya sesuai digunakan dalam lingkungan tersendiri. Unsur disfemisme bukan semata kata-kata kesat atau kasar dan negatif namun penggunaan yang betul dapat dilihat dengan jelas bukan hanya pada novel namun dalam filem juga. Jika masyarakat mengamalkan kesantunan bahasa yang lebih sopan dapat membentuk adab yang tinggi namun sebaliknya mampu memberi kesan buruk kepada nama negara di mata dunia. Hal ini kerana kesantunan bahasa dapat menjaga imej sesebuah negara dalam bidang politik, ekonomi dan sebagainya. Justeru itu, kajian ini jelas mempunyai kepentingan kerana ianya membantu pengkaji dalam melaksanakan kajian yang berkaitan, menjadi penanda arah bagi tujuan kehidupan bermasyarakat yang lebih erat dan harmoni sekaligus meningkatkan imej negara ke persada dunia.

1.7 Definisi Istilah dan Konsep

Istilah dan konsep adalah kata kunci untuk memberi gambaran mengenai fokus sesebuah kajian yang dijalankan supaya lebih tersusun dan mengikuti asas tujuan kajian. Menurut Mana Sikana (2015), penyelidikan merupakan asas dan latihan untuk individu menjadi seorang intelektual. Proses penyelidikan seharusnya dilaksanakan lebih tersusun, tekun dan sistematik oleh seseorang penyelidik. Definisi istilah dan konsep juga menyatakan makna penting yang terkandung dalam kajian ini seperti berikut:

1.7.1 Disfemisme

Menurut Allan dan Burridge (1991) dalam Norazilah, Nor Azlili dan Nik Norazira (2020) mengenai disfemisme adalah penggunaan bahasa kasar bertujuan sebagai senjata untuk melawan atau menakluki lawan. Ungkapan kasar yang diucapkan dapat menunjukkan perasaan dan emosi seperti melampiaskan kemarahan, kekesalan, kekecewaan, kebencian dan sebagainya. Bahasa kasar sebegini juga berfungsi untuk menghujah, menguatkan dan menegaskan makna dalam konteks tertentu supaya kesan dan maksud ungkapan tercapai kepada pendengar dan juga pembaca.

Menurut Rifka, Elmida dan Ririn (2023) menyatakan disfemisme adalah ungkapan kata kasar dan penggunaan sesuatu yang bermakna bukan sebenarnya-sebenarnya. Ianya juga penggantian kata bermakna halus dengan kata bermakna kasar. Disfemisme dapat menyebabkan seseorang merasa tersinggung dengan tuturan yang dikeluarkan. Penggunaan disfemisme cenderung bersifat negatif daripada penutur misalnya saat menunjukkan kekesalan, kekecewaan, kejengkelan mahupun kemarahan.

1.7.2 Teori Konseptual Kata Kunci

Teori Konseptual Kata Kunci merupakan teori yang memerlukan penelitian terhadap kata kunci terdapat dalam karya-karya seseorang penulis. Menurut Mohamad Mokhtar Hassan (2005, p. 136), bagi mencari konsepsi penulis terhadap sesuatu isu, hal, perkara atau objek. Kata-kata yang digunakan oleh penulis dalam karya-karya diperhatikan dan ianya dinamakan sebagai kata kunci. Kata kunci dalam sesebuah karya ialah perkataan atau diksi yang telah dipilih penulis dalam menghasilkan karya tersebut.



1.8 Organisasi Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji membahagikan kajian ini kepada lima bab. Pembahagian organisasi kajian dilakukan agar proses penyelidikan berjalan dengan lancar, tersusun dan kemas.

Bab Satu

Bab ini akan merangkumi pengenalan, latar belakang kajian, pernyataan masalah persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, definisi istilah dan konsep, organisasi kajian yang bakal dilaksanakan dan kesimpulan. Bahagian ini juga akan menerangkan keseluruhan kajian ini.

Bab Dua

Dalam bab ini akan membicarakan mengenai kajian literatur yang mengandungi tinjauan sorotan kajian lepas daripada pelbagai sumber yang jelas dan tepat berdasarkan disfemisme, aspek kepimpinan, filem-filem P. Ramlee dan pengkajian mengenai teori Konseptual Kata Kunci dan diakhiri dengan serangkap kesimpulan.

Bab Tiga

Dalam bab ini pula akan menyatakan metodologi kajian seperti cara yang digunakan untuk melakukan kajian. Teknik yang digunakan adalah kajian kualitatif iaitu kaedah kepustakaan, kaedah analisis visual dan kaedah laman sesawang. Pengkaji menggunakan kaedah analisis visual dengan filem-filem terpilih oleh P. Ramlee iaitu *Tiga Abdul* dan *Pendekar Bujang Lapok*. Teori Konseptual Kata Kunci berdasarkan pandangan Mohamad Mokhtar Hassan (2005) untuk menganalisis dan mendapatkan hasil dapatan kajian.

Bab Empat

Bab ini mengemukakan analisis dan hasil dapatan kajian. Secara khususnya bab empat akan mengandungi unsur disfemisme, aspek kepimpinan dan mengaplikasikan teori Konseptual Kata Kunci yang terdapat dalam filem-filem *Tiga Abdul* dan *Pendekar Bujang Lapok* karya P. Ramlee. Selanjutnya, membincangkan kesan penggunaan disfemisme dalam filem-filem terpilih untuk khalayak.

Bab Lima

Bab ini merupakan bab penutup yang akan mengandungi rumusan perbincangan dan dapatan kajian bagi menjawab segala persoalan kajian yang akan diketengahkan. Kesan kajian dan saranan dan juga cadangan kajian akan datang terdapat dalam bab ini.

1.9 Kesimpulan

Kesimpulannya, pada bab ini pengkaji telah membincangkan mengenai pengenalan kajian yang mengandungi latar belakang kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian, kepentingan kajian, definisi istilah dan konsep dan organisasi kajian. Pada bab pendahuluan bertujuan untuk membantu pengkaji memberikan pendedahan berkaitan kajian yang dilaksanakan secara tak langsung dapat mengukuhkan lagi kajian ini. Hal ini kerana terdapat pelbagai persoalan yang wujud bagi mengenal pasti unsur disfemisme aspek kepimpinan dalam dialog filem *Tiga Abdul* dan *Pendekar Bujang Lapok* karya P. Ramlee berdasarkan teori Konseptual Kata Kunci (2005) dan menganalisis kesan penggunaan disfemisme dalam dialog filem *Tiga Abdul* dan *Pendekar Bujang Lapok* karya P. Ramlee. Oleh itu, semoga kajian ini mampu memberikan gambaran dan pengetahuan yang lebih meluas kepada masyarakat mengenai disfemisme dengan lebih lanjut agar melahirkan masyarakat yang lebih santun dalam kehidupan seharian.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.0 Pengenalan

Pada bab dua ini mengandungi perbincangan yang berkait rapat dengan sebuah topik yang dibahas oleh pengkaji-pengkaji lepas. Kajian literatur dilaksanakan bertujuan untuk menyempurnakan sebuah kajian menjadi salah satu medium pengajaran dan penambahan ilmu pengetahuan. Pengkaji mengambil sumber kajian daripada artikel, jurnal dan tesis. Dengan itu, kesemua bahan yang diambil berkaitan dengan fokus kajian. Pengkaji akan melakukan kajian lebih mendalam berdasarkan kajian literatur yang dilaksanakan sebelum ini dengan menghuraikan unsur disfemisme aspek kepimpinan dalam dialog filem *Tiga Abdul* dan *Pendekar Bujang Lapok* karya P. Ramlee yang menggunakan teori Konseptual Kata Kunci (2005).

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

2.1 Kajian Berkaitan Unsur Disfemisme

Terdapat kajian literatur berkaitan dengan eufemisme dan disfemisme dari luar negara yang dijalankan oleh Vioni Saputri, Syahrul Ramadhan dan Yasnur Asri (2019), para pengkaji mendapati bahawa terdapat penggunaan unsur disfemisme dan eufemisme yang sangat banyak digunakan di dalam karya sastera yang dipilih. Kajian yang telah mereka kaji bertajuk “Eufemisme dan Disfemisme dalam Novel *Korupsi* Karya Pramoedya Ananta Toer” daripada Jurnal Bahasa, Sastra dan Pengajarannya. Hal ini menunjukkan bahawa karya sastera yang dikaji oleh mereka menunjukkan pengarang telah menggunakan pelbagai ungkapan sesuai bagi memperhalus bahasa agar sesuai dengan sindiran dan pujian kepada tokoh-tokoh ketika itu. Terdapat tiga bentuk eufemisme ditemukan dalam novel korupsi iaitu eufemisme berupa kata, frasa dan kalimat. Dapatkan kajian yang diperolehi adalah 164 bentuk eufemisme dan unsur disfemisme yang lebih banyak digunakan iaitu sebanyak 166 bentuk kata terbahagi kepada tiga bahagian iaitu kata dasar, kompleks dan ulang. Pengarang telah menggunakan disfemisme bagi menyindir tokoh-tokoh yang ada dalam novel. Oleh itu, terbukti Novel *Korupsi* karya Pramoedya Ananta Toer merupakan bentuk objek yang sesuai digunakan kerana ianya dapat menunjukkan banyak ungkapan eufemisme dan disfemisme.

Menurut kajian yang dilaksanakan oleh Icha Dwi dan Ngusman (2023) bertajuk Disfemisme dan fungsinya dalam kumpulan cerpen *SaiA* karya Djenar Maesa Ayu daripada Jurnal Ilmiah Pendidikan Bahasa. Kajian ini menekankan isu mengenai unsur disfemisme yang terdapat pada kegiatan berkomunikasi sehari-hari dalam cerpen tersebut. Penelitian ini berfokus pada bentuk dan fungsi disfemisme dalam kumpulan cerpen *SaiA* karya Djenar

Maesa Ayu. Pengkaji menemukan sebanyak lapan bentuk disfemisme. Hasil dapatan menunjukkan penggunaan istilah teknis sehari-hari sebanyak 81.4%, istilah teknis dan jargon dengan sebanyak 6.6%, ekspresi figuratif sebanyak 4.2%, simile sebanyak 2.4%, sirkumloksi sebanyak 2.4%, metafora sebanyak 1.8%, kliping sebanyak 0.6%, dan hiperbola sebanyak 0.6%. Contohnya, dalam istilah teknis sehari-hari ungkapan disfemisme brengsek bermakna seseorang yang nakal menunjukkan rasa kasar. Sebagai kesimpulannya, kajian ini cuba menyampaikan bahawa disfemisme membawa kesan negatif kepada masyarakat. Hal ini kerana, masyarakat yang mempunyai kesantunan tinggi mampu memajukan diri dan negara ke arah kebaikan.

Ermira Nilansari dan Laili Etika (2022) dalam kajian yang dijalankan bertajuk “Fungsi Eufemisme dan Disfemisme dalam *Siniar Close The Door Dddy Corbuzier*” daripada Jurnal Onoma: Pendidikan, Bahasa, dan Sastra. Pengkaji membincangkan fungsi gaya bahasa eufemisme dan disfemisme. Terdapat lima kategori bagi fungsi eufemisme iaitu sebagai sarana untuk merahsiakan sesuatu, berdiplomasi, pendidikan dan menolak bahaya. Fungsi disfemisme mempunyai tujuh perkara iaitu mempermalukan orang lain, mengekspresikan kemarahan, menekankan hal atau kondisi, menyatakan dan mewakili hal yang sangat buruk atau kondisi, mengungkapkan kehairanan, menunjukkan keintiman dan mengekspresikan kegembiraan. Hasil dapatan kajian menunjukkan penggunaan eufemisme melebihi disfemisme yang mana dapat dibuktikan melalui pengkaji menemukan eufemisme sebanyak empat belas data manakala disfemisme termuat sepuluh data. Maka dengan itu, peredaran zaman menyebabkan eufemisme semakin berkembang dalam kalangan masyarakat dan seringkali digunakan secara meluas dalam ucapan.

A'idad Husna, Ery Kurnia, Fitri Icha dan Muhammad Aflah (2020) yang bertajuk “ Disfemisme pada Unggahan Akun Twitter Areajulid” daripada Journal of Culture, Arts, Literature, and Linguistics membincangkan tentang penggunaan disfemisme yang terdapat pada akaun twitter areajulid edisi Oktober 2019. Pengkaji memfokuskan bentuk, sinonim, dan latar belakang penggunaan disfemisme yang terdapat pada akaun twitter tersebut. Dapatan kajian yang ditemukan oleh pengkaji adalah dua bentuk penggunaan disfemisme iaitu kata yang terdiri atas kata dasar dan kata berimbuhan dan berbentuk frasa. Sebagai contoh, penggunaan disfemisme dengan menyatakan hal tabu, tidak senonoh, dan porno, penggambaran negatif tentang seseorang atau sesuatu, mengungkapkan kejengkelan atau kemarahan, mengkritik atau menghujat, merendahkan seseorang atau sesuatu, menghina atau mencela dan mengumpat atau memaki sesuatu. Kesimpulannya, masyarakat perlu didedahkan dan diberikan pendidikan mengenai adab dalam berkomunikasi secara mendalam bagi mengelakkan perselisihan faham antara satu sama lain.

Habib Rois (2021) yang bertajuk “Eufemisme dan Disfemisme dalam Karangan Emha Ainun Nadjib: *Hidup Itu Harus Pintar Ngegas dan Ngerem*” daripada Jurnal Ilmiah Program Studi Pendidikan Bahasa Dan Sastra Indonesia membincangkan tentang perubahan makna. Terdapat eufemisme modus perlindungan dan modus motivasi manakala disfemisme modus penilaian negatif serta sindiran. Contohnya, bagi eufemisme berlaku proses ungkapan mendoakan umum bagi hal kebaikan menjadi sebaliknya sekiranya kata mendoakan dipasangkan dengan kata menganiaya menyebabkan kontras makna berlaku proses penghalusan akibat kesalahan orang lain kepada Cak Nun. Contoh bagi disfemisme pada ayat Sekolah tidak menjamin orang belajar dan berbuat baik menunjukkan pengasaran makna menyebabkan Cak

Nun menyatakan bahawa sekolah tempat mencari ilmu pengetahuan namun ada sesetengah manusia berpura-pura belajar. Oleh itu, konteks penggunaan kata dalam eufemisme dan disfemisme membawa pengaruh yang besar dalam kajian ini.

Maria Ayu, Eddy Setia dan Rohani Ganie (2020) dalam kajian dilaksanakan bertajuk “*Dysphemism Used in Deadpool Movie*” daripada Journal of Linguistics and Literature bertujuan untuk mengetahui jenis-jenis disfemisme dengan penggunaan disfemisme yang betul dan mendedahkan fungsi disfemisme yang terdapat pada dialog watak dengan menggunakan perkataan disfemisme. Pengkaji juga menggunakan pendekatan semantik untuk menghuraikan maksud disfemisme secara leksikal dan kontekstual dalam konteks tertentu. Dapatkan kajian yang diperolehi adalah sebanyak 95 kata disfemisme. Terdapat tiga jenis disfemisme dalam filem iaitu kata-kata kotor, kelucahan, dan penghinaan. Jenis disfemisme yang paling banyak ditemui ialah kelucahan dengan 31 kata sebanyak 33%. Terdapat juga tujuh fungsi penggunaan disfemisme iaitu mengaibkan sesuatu atau orang lain, meluahkan rasa marah, menekankan keadaan, menyatakan keadaan yang sangat buruk, menyatakan rasa hairan, menunjukkan keintiman dan menyatakan keterujaan. Fungsi disfemisme yang paling dominan yang digunakan dalam filem ini adalah untuk mengaibkan sesuatu atau orang lain dengan 79 kata sebanyak 83%. Contohnya, pada kata *Stupid* menunjukkan menyampah dengan penjahat yang membawa kepada penggunaan disfemisme bertujuan untuk merendahkan orang lain. Kesimpulannya, penggunaan disfemisme sememangnya banyak dalam filem yang dikaji menunjukkan perkara negatif. Oleh itu, sebagai ibu bapa dan masyarakat perlu mengawasi generasi bawah umur dalam melihat perkara yang tidak sepatutnya.

Norazilah Buhari, Nor Azlili dan Nik Norazira (2020) telah mengkaji disebalik unsur-unsur tidak santun bahasa dan penggunaan ragam bahasa yang berlaku dalam novel berkaitan dengan watak utama dan watak sampingan. Kajian yang bertajuk “Unsur Disfemisme: Ragam Bahasa dalam *Novel Kasyaf Ain*” daripada Jurnal Sains Insani menjurus kepada disfemisme dan ragam bahasa dalam proses komunikasi. Dapatan kajian dalam kajian ini adalah pengkaji dapat menemukan sebanyak 13 jenis ragam bahasa yang terdapat dalam novel Kasyaf Ain tetapi hanya enam jenis ragam bahasa menjadi ayat dominan kandungan unsur disfemisme dan mengekspresikan sebagai bahasa bermaksud negatif. Ragam bahasa yang difokuskan merupakan bahasa menggiat, sindiran, tempelak, mengejek, melampau dan herdik. Dapat diperhatikan bahawa novel ini menonjolkan jenis ragam bahasa dan unsur disfemisme dalam kehidupan masyarakat Melayu sekaligus mampu memberi pendedahan untuk pemahaman daripada segi pendidikan. Pengkaji berjaya membentuk kepelbagaian dalam novel ini yang menyebabkan kesan penghayatan mendalam kepada emosi dan pemahaman pembaca. Maka, dapat dibuktikan dengan menggunakan novel ini pelbagai ragam bahasa bagi unsur disfemisme dapat digunakan dalam hidup masyarakat.

Suzieyiana Ritos dan Muhammad Zaid (2020) menerusi tajuk “Strategi Penggantian Disfemisme kepada Eufemisme dalam Komunikasi Lisan Masyarakat Bidayuh, Bau: Analisis Pragmatik” daripada Asian People Journal (APJ). Kajian ini membincangkan tentang disfemisme kepada eufemisme yang berlaku dalam komunikasi lisan masyarakat Bidayuh. Objektif kajian ini adalah mengenalpasti jenis kata disfemisme dan eufemisme. Pengkaji juga membuat penelitian terhadap analisis strategi penggantian disfemisme kepada eufemisme. Pengkaji menjalankan kajian lapangan di Kampung Serasot, Sarawak. Kajian ini adalah berbentuk kualitatif dan teknik

pengumpulan data kajian dilakukan menerusi teknik temu bual informan perempuan dan lelaki. Hasil dapatan mendapati disfemisme dan eufemisme berkaitan dengan anggota tubuh badan, hal kewanitaan, kebersihan, bahasa cacian dan kematian. Sebagai contoh, disfemisme dan eufemisme bahasa cacian dalam konteks penggunaan memaki menggunakan perkataan Budua (Bahasa Bidayuh Bau) bermakna bodoh digantikan kepada eufemisme iaitu perkataan “dekponai”, “cacat” dan “lamat” untuk mengelakkan perasaan rendah diri seseorang. Oleh itu, pemakaian bahasa yang halus atau eufemisme seharusnya diaplikasikan dalam setiap komunikasi lisan mampu mengubah persepsi terhadap individu dan masyarakat.

Munirah, Norazilah dan Nor Azlili (2019) telah melaksanakan kajian mengenai “Eufemisme Cerminan Nilai Sosio Budaya Masyarakat Malaysia” daripada Jurnal Sains Insani. Dalam konteks masyarakat Malaysia, kesantunan berbahasa amat penting sebagai cerminan nilai kelompok masyarakat di Malaysia. Terdapat dua persoalan dalam kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti peranan bahasa dalam proses pembentukan tamadun Malaysia. Hubungan kesantunan berbahasa berdasarkan unsur eufemisme dengan sosio budaya berjaya dilihat melalui nilai malu, nilai menghormati dan nilai budi bahasa masyarakat Malaysia. Dapatan kajian yang diperoleh adalah bahasa rasmi sebagai wahana komunikasi umum antara kelompok masyarakat yang berlainan latar belakang dan berbeza etnik manakala dalam konteks perpaduan ia menjalankan dan mengukuhkan sesuatu hubungan sosial kelompok dan kaum di negara ini. Manakala bagi nilai malu, menghormati dan budi bahasa pada masyarakat Malaysia membuktikan penggunaan pertuturan ini memang tidak dapat dipisahkan dengan masyarakat Malaysia kerana diamalkan sejak zaman dulu lagi. Ungkapan kesat, tidak sopan dan tabu seharusnya dielakkan ketika berkomunikasi kerana kesinambungan dan kelancaran sesebuah

perbualan bergantung kepada cara individu tersebut menyusun dan menggunakan kata-katanya. Hal ini kerana ungkapan eufemisme berkait rapat dengan kesopanan dan etika dalam pertuturan supaya seseorang tidak menimbulkan sebarang salah faham dan menjaga maruah orang yang dilawan bertutur.

Nur Azimah , Halis Azhan dan Roslina (2018) telah mengkaji disebalik unsur-unsur kesantunan bahasa yang berlaku di antara watak utama dan watak sampingan yang terdapat dalam novel komsas yang berkaitan. Kajian beliau yang bertajuk “Unsur Eufemisme dalam Dialog Novel *Songket Berbenang Emas*” daripada Jurnal Bahasa, Budaya dan Warisan Melayu (MAHAWANGSA) menjurus kepada tingkah laku dan adab dalam proses komunikasi. Pengkaji menggunakan hubungan peristiwa bahasa terhadap fokus penggunaan ungkapan dan ayat yang bersesuaian dengan padanan enam maksim, iaitu Kebijaksanaan, Kedermawanan, Sokongan, Kerendahan Hati, Persetujuan dan Simpati. Dapatkan kajian yang dijalankan adalah melalui proses komunikasi. Contohnya, berlaku perbualan di Unsur eufemisme kata usahlah fikir telah melengkapkan proses komunikasi dan menepati maksim kebijaksanaan yang berlaku antara Dahlia dengan Tauke Lim. Jelaslah, melalui unsur eufemisme dapat hadirkan proses komunikasi antara watak-watak untuk mengetahui punca, sebab dan akibat setiap perkara yang terjadi. Maka kesopanan bahasa dapat dicapai.

2.2 Kajian Berkaitan Aspek Kepimpinan

Kajian lepas yang dilaksanakan oleh Muhd Norizam dan Nursyaza (2020) bertajuk “Kepimpinan Wanita dalam Novel *Matriark* Karya Samsiah Mohd. Nor” daripada Jurnal Melayu. Pengkaji melakukan penelitian terhadap aspek kepimpinan pada diri wanita dalam novel terpilih. Pengkaji mengaplikasikan teori Kepimpinan Transformasi. Objektif kajian adalah menganalisis ciri-ciri kepimpinan yang membentuk citra wanita sebagai pemimpin dalam novel *Matriark*. Metodologi yang digunakan adalah pendekatan kualitatif diikuti dua kaedah iaitu kajian kepustakaan dan analisis kandungan. Hasil kajian yang didapati menunjukkan empat dimensi, iaitu rangsangan intelek, karisma, motivasi berinspirasi dan pertimbangan individual. Maka itu, novel *Matriark* sememangnya mampu membentuk keunggulan citra wanita Melayu sebagai pemimpin yang berkualiti membuktikan bahawa wanita juga boleh mengubah dan mencapai sesuatu.

Kajian oleh Saravanan P. Veeramuthu (2019) bertajuk “Kepimpinan dalam Novel *Perang Sangkil*: Satu Pendekatan Pengurusan” daripada Asian People Journal (APJ). Kajian ini bertujuan menganalisis mengenai prinsip kepimpinan yang ada dalam novel terpilih. Pengkaji menggunakan pendekatan pengurusan oleh Mohamad Mokhtar Hassan. Pengkaji menggunakan kaedah analisis teks. Terdapat tiga peristiwa dipilih untuk melihat ciri-ciri pemimpin berkarisma melalui watak pemimpin yang menceritakan penyeksaan terhadap masyarakat. Dapatkan kajian menyatakan watak Dirik yang berpandangan jauh, berpengaruh, bijak menerajui masyarakatnya. Oleh itu, setiap masyarakat perlu memupuk sifat kepimpinan dalam diri untuk kesejahteraan bersama.

Nik Rafidah (2013) bertajuk “Kepimpinan dalam Novel *Komponen Sastera* dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu (KOMSAS)” daripada Jurnal PENDETA. Kajian ini dijalankan untuk mencari aspek kepimpinan dalam beberapa novel yang dipilih oleh pengkaji. Dapatkan kajian menunjukkan elemen kepimpinan daripada kepimpinan dalam keluarga, kepimpinan guru, kepimpinan remaja, kepimpinan kampung dan daerah. Oleh itu, perkara ini penting kerana ianya mencorak pemikiran dan jati diri golongan generasi muda untuk masa depan.

Mohd Nazri (2012) berjudul ‘Kepimpinan dan Keunggulan Wanita Menerusi Novel *Doa Insan Berkasih*’ daripada Jurnal Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan. Terdapat dua objektif kajian iaitu mengesan unsur-unsur kepimpinan yang terdapat dalam novel *Doa Insan Berkasih* dan unsur-unsur kepimpinan yang boleh diaplikasikan oleh pemimpin sekolah. Teori yang diaplikasikan oleh pengkaji adalah teori *Teksdealisme*. Pengkaji menggunakan kaedah kuantitatif dan kualitatif untuk mengkaji novel terpilih. Hasil kajian yang diperolehi adalah kehadiran sebagai anak nelayan, kehadiran pengalaman sebagai orang gaji dan ia memberi kesan-kesan kehadiran dalam kepimpinan yang unggul. Perlanggaran pula dalam aspek berdakwah, aspek melawan musuh, aspek pendidikan, aspek ekonomi dan aspek kemanusiaan. Justeru, pembaca dapat menilai unsur-unsur kepimpinan yang ditunjukkan dalam novel mampu menjadi contoh untuk masyarakat.

2.3 Kajian Berkaitan Filem P. Ramlee

Kajian yang dijalankan oleh Mohd Khairy dan Irdha Rina (2021) bertajuk “Analisis Pewarisan Pusaka Menurut Islam dalam Filem Klasik, *Tiga Abdul*” daripada Journal of Civilizational Studies and Human Sciences (BITARA). Pengkaji telah menganalisis konteks pewarisan harta pusaka dalam filem *Tiga Abdul* arahan Tan Sri P. Ramlee dan mengenal pasti kontrak-kontrak pewarisan ini menurut hukum Islam. Data kajian diperolehi melalui ujaran terkait dengan harta pusaka yang ada dalam filem tersebut. Pengkaji menganalisis ujaran ini menganalisis tema-tema yang dibincangkan dalam pengurusan harta pusaka dan perancangan harta pusaka didapati sebagai tema utama dalam filem ini. Pada bahagian pertama, pengurusan harta pusaka merujuk kepada tujuh subtema iaitu pengetahuan berkaitan pusaka, tuduhan membolot harta, wasiat mempercepatkan urusan pusaka, pembahagian yang tidak adil, tuduhan menyebabkan kematian, pertikaian kaedah pewarisan dan campur tangan pihak ketiga. Manakala pada bahagian kedua, perancangan harta pusaka merangkumi galakan membuat perancangan pewarisan, pelantikan wasi dan pemberian semasa hayat. Pengkaji mengetengahkan isu pewarisan harta pusaka menurut Islam dan teori dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Oleh itu, dapat memberikan maklumat benar kepada khalayak mengenai kaedah pengurusan dan perancangan harta pusaka.

Nur Afifah dan Intan Zainatul (2021) bertajuk “Aspek Sosiologi Filem *Pendekar Bujang Lapok* (1959)” daripada Jurnal Melayu. Pengkaji telah membuat penelitian kepada isu sosial, ekonomi dan politik masyarakat Melayu dalam filem tersebut. Dapatkan kajian yang diperolehi adalah filem *Pendekar Bujang Lapok* sangat mementingkan aspek sosial masyarakat Melayu yang pelbagai seperti agama, pendidikan, kekeluargaan, nilai dan moral. Aspek ekonomi ini dipaparkan melalui pelbagai bentuk pekerjaan sama ada kampung, kedudukan ekonomi dan hirarki sosial mengikut watak-watak yang telah ditentukan. Aspek politik menunjukkan perkara negatif penjajah Jepun dan British yang dipaparkan melalui watak dan perwatakan secara tersirat. Maka, pengkaji mendapati nilai positif dan negatif dalam filem ini mampu dijadikan pengajaran.

Sharip Zainal dan Zairul Anuar (2020) yang bertajuk “Komposisi Tari Melayu dalam Filem P. Ramlee *Sumpah Orang Minyak* (1958): Analisis Terhadap Tarian Tudung Periuk” daripada Jurnal Gendang Alam. Pengkaji menjalankan kajian berfokuskan kepada objektif dengan menganalisis tema dan persoalan melalui gerak tari serta pola lantai merangkumi penggunaan muzik, lagu, kostum dan props oleh penari yang telah dipaparkan dalam adegan filem tersebut sama ada ianya terdapat ciri-ciri tari Melayu yang mempunyai unsur budaya dan tradisi Melayu. Oleh itu, analisis komposisi tari tarian Melayu dalam filem P. Ramlee ini boleh dijadikan garis panduan kepada penggiat seni tanah air termasuk penari, koreografer dan penulis bagi menghasilkan tarian bercirikan budaya dan tradisi Melayu daripada pelbagai sudut aspek tema, gerak tari, pola lantai, penggunaan muzik dan sebagainya.

Nasrun Alias Dan Nurul Syuhada Binti Mohd. Noh (2021) Yang Bertajuk “Analisis Ayat Songsang dalam Filem *Seniman Bujang Lapuk* Berdasarkan teori Ubah Alfa” daripada Jurnal Melayu. Kajian yang dilaksanakan untuk mengenal pasti dan menghuraikan struktur ayat songsang yang terdapat di dalam skrip filem *Seniman Bujang Lapok*. Kajian ini menggunakan teori Ubah Alfa dalam menghuraikan proses transformasi yang berlaku dalam ayat-ayat songsang. Kajian ini dibuat menggunakan kaedah kualitatif untuk menghuraikan hasil dapatan. Hal ini bermakna, dapatan kajian akan dipersembahkan secara deskriptif. Dalam kajian ini, beberapa bahagian skrip filem *Seniman Bujang Lapok* yang telah diekstrak untuk mewakili keseluruhan kajian. Oleh hal yang demikian, hasil kajian menunjukkan bahawa skrip filem terpilih mempunyai pelbagai pola ayat songsang melibatkan ayat berbentuk tunggal dan majmuk. Namun, untuk penulisan artikel ini, hanya ayat songsang jenis tunggal sahaja akan dibahaskan. Dalam hal ini, perbincangan akan tertumpu kepada pendepan keseluruhan predikat dan pendepan sebahagian predikat.

2.4 Kajian Berkaitan teori Konseptual Kata Kunci (2005)

Kajian yang dijalankan oleh Nur Fara , Norlela Ismail dan Siti Normala (2022) bertajuk “Analisis Konseptual Kata Kunci Tema Kemanusiaan dalam Lirik Lagu Basyirah (2020)” daripada Journal of Islamic. Kajian ini bertujuan memberi hujah berkaitan lirik lagu Basyirah mempunyai pemilihan kata yang berkesan dalam menyampaikan tema kemanusiaan kepada pembaca. Objektif kajian ini adalah mengenal pasti tema kemanusiaan dalam lirik lagu Basyirah (2020) dan menganalisis bagaimana tema kemanusiaan digambarkan melalui pengaplikasian teori Konseptual Kata Kunci (2005). Kajian ini memfokuskan kepada dua prinsip utama, iaitu pemilihan kata dan kesannya terhadap pembaca. Hasil kajian mendapati lirik Basyirah

mempunyai tema kemanusiaan terhadap kesan emosi terhadap pembaca melalui pemilihan kata yang berkesan dalam lirik lagu tersebut. Sebagai contoh, pada rangkap pertama lirik lagu Basyirah, penulis lirik telah menggunakan frasa warkah dunia bagi menggambarkan berita-berita dari seluruh dunia yang bertemakan koronavirus yang mana membuktikan bahawa pemilihan kata tersebut menyampaikan rasa simpati yang terbina dalam diri melambangkan ciri-ciri sifat kemanusiaan. Oleh itu, pengkaji mendapati lirik juga memainkan peranan penting dalam menyampaikan sesuatu tema kepada khalayak. Maka, masyarakat perlu bijak memilih dalam mencari makna lagu yang tidak merosakkan hati dan akal fikiran untuk memupuk jati diri.

Sakinah Harumi, Nurul Shahirah, Nur Aslinda, Nurul Syuhada, Muhammad Hafiz dan Siti Nur Anis (2022) yang bertajuk “Prinsip Pemilihan Kata dalam Cerekrama *Ayahanda* Berdasarkan teori Konseptual Kata Kunci”. Pengkaji membincangkan tentang kepentingan mesej yang cuba disampaikan oleh pengarang kepada masyarakat. Terdapat dua objektif kajian ianya adalah menjelaskan prinsip pemilihan kata dalam cerekrama *Ayahanda* menerusi dengan mengaplikasikan teori Konseptual Kata Kunci (2005) dan mengenal pasti mesej yang disampaikan oleh pengarang dalam cerekrama *Ayahanda*. Dapatkan kajian melalui pemilihan kata berdasarkan pendidikan, kekeluargaan dan lingkungan masyarakat. Dapatkan kedua adalah kepentingan pendidikan agama kepada anak-anak dan keluarga yang harmoni. Oleh itu, pengkaji mendapati penerapan teori Konseptual Kata Kunci (2005) di dalam penghasilan karya sastera dapat menyampaikan mesej kepada individu serta masyarakat berkenaan dengan keindahan dan teladan.

Adib Zakwan, Tengku Intan, Mardian dan Nurul Ain (2020) bertajuk “Eutopia Novel *Baldatun Thoifyyibatun* dari Perspektif teori Konseptual Kata Kunci” daripada Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS) membincangkan tentang sastera futuristik dalam novel yang dikaji. Pengkaji mengaplikasikan teori Konseptual Kata Kunci oleh Mohamad Mokhtar Hassan (2007) untuk memperlihatkan konseptual futuristik pengarang dalam novel *Baldatun Thoifyyibatun* (2011). Dua Objektif Kajian yang diperlukan adalah untuk mengenalpasti kata fokus dan kata kunci konseptual futuristik pengarang dan untuk menganalisis kata fokus dan kata kunci futuristik utopia melalui pembacaan novel *Baldatun Thoifyyibatun*. Pengkaji menggunakan metodologi kajian kaedah kualitatif iaitu pemerolehan data melalui pengekstrakan kata kunci yang berkaitan Konseptual Futuristik Utopia (Eutopia) pengarang dalam novel tersebut. Hasil dapatan menunjukkan bahawa pengaruh konseptual futuristik eutopia pengarang banyak dipengaruhi oleh latar belakang kehidupan beragama Islam bangsa Melayu. Hal ini kerana bluprin futuristik eutopia di Malaysia merangkumi pelbagai aspek politik, ekonomi, sosial, pembangunan, pendidikan, bahasa dan agama Islam. Oleh itu, pengkaji menyimpulkan kandungan futuristik mampu mengadaptasi nilai keagamaan dan tradisi sesebuah negara sekaligus membawa kesan perubahan pemodenan kepada masyarakat.

Nabilah , Ghazali Din, Abdul Razak dan Abdulroya (2020) bertajuk “Unsur Kosmos Dalam Kumpulan Puisi *Selamat Pulang Juila* Karya Muhammad Haji Salleh” daripada Mualim Journal of Social Sciences and Humanities. Pengkaji menjalankan kajian ini bertujuan untuk membincangkan tentang kepengarangan sasterawan negara ke-6. Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti untuk mengenal pasti dan menghuraikan unsur kosmos dalam Kumpulan Puisi *Selamat Pulang*, Juila Karya Muhammad Haji Salleh dengan mengaplikasikan teori

Konseptual Kata Kunci (2005). Pengkaji juga menggunakan kaedah kualitatif untuk mendapatkan maklumat mengenai data kajian. Pengkaji mendapati bahawa karya pengarang tidak terlepas daripada menciptakan puisi-puisi yang mengandungi unsur kosmos dikenali sebagai unsur alam. Hal ini demikian kerana pengkaji berjaya menonjolkan unsur kosmos oleh pengarang yang memiliki sensitiviti tinggi terhadap persekitaran. Maka, ianya mampu meningkatkan kesedaran kepada pembaca tentang keindahan alam.

Aharul Hakimin (2018) yang bertajuk “*Konseptual - kata kunci* terhadap konsep kemiskinan dan perjuangan dalam cerpen terpilih Norsiah Abdul Gapar” daripada Master Tesis Universiti Malaya (UM). Pengkaji menjalankan kajian bagi mengenal pasti konseptual Norsiah Abdul Gapar yang terdapat dalam tiga puluh dua cerpen yang diterbitkan dari 1984 sehingga 2012. Pengkaji menggunakan teori Konseptual Kata Kunci (2005) yang diperkenalkan oleh Mohamad Mokhtar. Dapatan kajian berhubung kait dengan konsep kemiskinan yang berbentuk fizikal dan konsep perjuangan membangkitkan isu perjuangan wanita. Dalam cerpen yang dikaji jelas mempunyai unsur-unsur ekstrinsik seperti latar belakang, pendidikan, budaya, kerjaya, kepercayaan, pengamatan, ideologi dan sudut pandangan sebagai seorang penulis wanita. Oleh itu, teori Konseptual Kata Kunci (2005) ini berjaya membuktikan analisis sesuai dengan Norsiah Abdul Gapar melalui karyanya.

Mohd Daud dan Rohaidah (2015) bertajuk “Mesej Pengarang: Satu Penelitian Terhadap Novel *Anak Titiwangsa* Karya Sasterawan Negara Keris Mas” daripada International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman). Pengkaji membincangkan penyampaian buah fikiran pengarang yang terpilih iaitu Keris Mas mengenai mesej-mesej yang terkandung dalam novel *Anak Titiwangsa*. Pengkaji juga mengaplikasikan teori Konseptual Kata Kunci (2005) yang telah diperkembangkan oleh Mohamad Mokhtar Hassan berdasarkan tiga prinsip teori tersebut iaitu prinsip kepengaruan, prinsip pemilihan kata dan prinsip kesan. Dapatkan kajian membuktikan kepentingan menuntut ilmu yang terdapat dalam setiap mesej pengarang. Hal ini tercetus apabila pengkaji mendapati mesej disampaikan oleh Keris Mas terbentuk daripada hasil pengalaman dan perjalanan hidupnya. Maka, pengkaji di Malaysia perlu menambahkan lagi kajian berkenaan karya sasterawan negara terpilih yang mempunyai kebaikan kepada masyarakat.



2.5 Kesimpulan

Kesimpulannya, kajian yang telah dilakukan terdahulu telah banyak membincangkan tentang unsur disfemisme dalam karya sastera sama ada daripada segi penulisan dan perfileman. Terdapat juga kajian berkaitan aspek kepimpinan, filem P. Ramlee dan teori Konseptual Kata Kunci namun bagi kajian berkaitan teori masih sedikit berbanding kajian yang menggunakan teori lain. Pengkaji hanya memberi tumpuan utama khususnya kajian tentang unsur disfemisme, aspek kepimpinan dan kesan penggunaan unsur disfemisme melalui prinsip pemilihan kata terhadap dialog filem *Tiga Abdul* dan *Pendekar Bujang Lapok* karya P. Ramlee. Justeru itu, kajian ini adalah untuk menyumbang terhadap kajian mengenai disfemisme, kepimpinan dan filem menerusi pengaplikasian teori Konseptual Kata Kunci (2005) agar mampu menambah maklumat dan rujukan pada masa depan.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pengenalan

Pada bab tiga, pengkaji ingin menerangkan makna metodologi dengan jelas. Metodologi kualitatif merupakan prosedur yang teliti bagi memperoleh data kajian deskriptif berdasarkan teknik lisan atau tulisan dari gaya tindak-tanduk yang dihasilkan (I Woyan Koyan, 2014). Metodologi adalah kerangka kajian merangkumi kaedah reka bentuk, mengumpul data dan menganalisis data yang diperoleh daripada hasil kajian. Hal ini kerana iaanya dapat menghasilkan bukti dan sokongan penyelidikan yang kukuh oleh pengkaji. Metodologi bertujuan memberi kefahaman mengenai masalah dan sebab melalui kaedah dipilih serta menjelaskan pengaplikasian kaedah yang digunakan dengan huraihan proses-proses kaedah secara terperinci. Terdapat kajian kualitatif, reka bentuk kajian iaitu dokumentasi dengan menggunakan kaedah kepustakaan, analisis visual dan kaedah laman sesawang. Dalam kaedah pepustakaan terdapat pecahan iaitu pemerolehan data serta pengumpulan dan pemprosesan data. Kaedah-kaedah tersebut sesuai dalam proses pengumpulan data dengan kajian seperti artikel, jurnal, tesis, buku, kertas kerja dan internet yang berkaitan dengan disfemisme dan filem-filem P. Ramlee yang terpilih. Kesemua kaedah tersebut digunakan bagi memenuhi kemahuan objektif dengan lebih tepat.

3.1 Kajian Kualitatif

Hillary Constantia (2022) menyatakan bahawa penelitian kualitatif merupakan prosedur yang menghasilkan data deskriptif berbentuk kata-kata bertulis atau lisan. Ianya terdiri daripada orang-orang dan perilaku yang dapat perlu diamati. Pengkaji menggunakan reka bentuk kajian kualitatif deskriptif bagi melengkapkan kajian ini. Mokmin (2012) reka bentuk kajian kualitatif adalah berkait rapat dengan persoalan atau pernyataan dan bukan bernombor. Oleh itu, kajian yang dilakukan ini adalah bersifat kualitatif yang melibatkan kaedah kepustakaan, kaedah analisis visual dan kaedah laman sesawang dan teori bagi melengkapkan kajian ini.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk adalah elemen penting dalam melaksanakan kaedah kajian dalam penyelidikan. Menurut Zulzana , Mohamed dan Roslina (2012) menyatakan bahawa penyelidikan merupakan usaha suatu penyelidikan bertujuan mencari jawapan kepada persoalan-persoalan kajian. Tiga kaedah yang digunakan adalah kaedah kepustakaan, kaedah analisis visual dan kaedah laman sesawang. Ketiga-tiga kaedah tersebut penting kerana dijadikan asas dalam mengumpulkan maklumat dan menganalisis data bagi tajuk kajian ini sekaligus memudahkan pengkaji untuk memperoleh rujukan yang sahih.

3.2.1 Dokumentasi

Kaedah dokumentasi adalah penting untuk mencari hal-hal yang berbentuk catatan, transkripsi, dialog dan sebagainya. Ianya digunakan untuk menghindari hilangnya data yang telah dikumpul maka perlu dilakukan pencatatan secara lengkap dan secepat mungkin dalam setiap data kajian. Data kajian ini biasanya dilakukan dalam waktu panjang. Pengkaji mencari data kajian melalui dialog yang terdapat dalam filem *Tiga Abdul* dan *Pendekar Bujang Lapok*. Pengkaji juga menganalisis serta menghuraikan dengan lebih terperinci melalui penggunaan unsur disfemisme melalui penerapan kata dialog yang dimainkan dalam filem *Tiga Abdul* dan *Pendekar Bujang Lapok* karya P.Ramlee.

3.3 Kaedah Kajian

Pengkaji memilih pendekatan kualitatif bertujuan memudahkan pengkaji untuk memperolehi dan mengumpul data, analisis dan maklumat yang berkaitan dengan tajuk kajian yang telah dipilih iaitu Unsur Disfemisme Aspek Kepimpinan dalam Dialog Filem *Tiga Abdul Dan Pendekar Bujang Lapok* Karya P. Ramlee. Kajian ini diharapkan dapat menghasilkan satu penyelidikan yang sangat berguna dan berilmiah.

3.3.1 Kaedah Kepustakaan

Dalam bahagian ini, pengkaji telah menggunakan bahan-bahan cetak yang ada di perpustakaan. Kaedah perpustakaan dilakukan di dua buah perpustakaan seperti Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan Perpustakaan Awam Kluang Majlis Perbandaran Kluang. Kaedah kepustakaan merupakan salah satu kaedah yang memerlukan pencarian data dan maklumat dengan melakukan penelitian serta pembacaan bahan-bahan perpustakaan yang berkaitan dengan kajian. Melalui kajian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah kepustakaan dengan merujuk beberapa bahan-bahan berbentuk buku-buku, kertas seminar, majalah, dokumen, jurnal, dan tesis yang berkaitan dengan kajian. Kebanyakan bahan-bahan yang diperoleh telah diambil dari Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

I. Pemerolehan Data

Pengkaji mendapatkan maklumat berkaitan dengan tajuk kajian. Pengkaji menggunakan buku *Kamus Dewan* untuk mencari makna-makna kata disfemisme. Pengkaji juga mencari rujukan mengenai filem daripada majalah-majalah dan jurnal-jurnal sastera termasuk tesis para sarjana yang berkaitan dengan unsur disfemisme, filem dan juga teori. Pengkaji melakukan pembacaan secara berulang kali untuk memastikan maklumat yang diambil tepat dengan tajuk kajian.

II. Pengumpulan Dan Pemprosesan Data

Kaedah pengumpulan dan pemprosesan data adalah salah satu kaedah penting yang digunakan oleh pengkaji bagi mengumpul segala maklumat yang berkaitan dengan kajian. Setiap data yang diperolehi daripada pelbagai medium antaranya melalui filem-filem Melayu terpilih. Karya P. Ramlee tidak asing lagi dalam dunia perfileman, pengkaji telah memilih filem *Tiga Abdul* dan *Pendekar Bujang Lapok*. Pengkaji juga menggunakan teori Konseptual Kata Kunci (2005) untuk menjawab dan menyokong objektif kajian. Terdapat tiga prinsip yang sentiasa berkait antara satu sama lain terdiri daripada prinsip kepengaruan, pemilihan kata dan kesan. Pengkaji telah mejadikan prinsip kedua iaitu prinsip pemilihan kata sebagai menjadi penanda arah dalam kajian ini. Hanya satu sahaja prinsip yang digunakan dalam kajian ini.

3.3.2 Analisis Visual


Analisis visual adalah salah satu kaedah yang digunakan untuk mengupas kajian dengan penelitian terhadap bahan-bahan kajian melalui aspek atau mesej yang disampaikan. Analisis visual melibatkan filem, lukisan, imej dan sebagainya. Menerusi analisis visual, penontonan filem-filem terpilih hanya dilakukan secara atas talian. Dialog filem P. Ramlee menjadi sumber utama proses pengumpulan data dengan membuat penontonan dijalankan selama dua bulan . Pengkaji menonton filem *Tiga Abdul* berdurasi selama 1 jam 53 minit dan filem *Pendekar Bujang Lapok* berdurasi selama 1 jam 44 minit. Oleh

Itu, jumlah masa yang pengkaji peruntukkan untuk proses pengekodan data melalui penontonan filem adalah selama tiga jam. Tujuan penontonan filem adalah untuk pengkaji memahami keseluruhan jalan cerita dan mengenalpasti babak-babak yang mempunyai penerapan unsur disfemisme iaitu daripada aspek kepimpinan melalui prinsip pemilihan kata merangkumi pelbagai aspek. Hal ini demikian kerana, pengkaji dapat membincangkan aspek kajian daripada segi penerapan unsur disfemisme, aspek kepimpinan melalui prinsip pemilihan kata dalam membendung budaya ini agar tidak keterlaluan dan melahirkan masyarakat yang mempunyai kesantunan yang tinggi.

3.3.3 Kaedah Laman Sesawang

Pengkaji menggunakan sumber laman sesawang dalam kajian ini untuk mendapatkan maklumat tambahan berkaitan dengan kajian yang dijalankan. Antaranya, laman sesawang yang digunakan untuk mendapatkan maklumat mengenai kajian adalah seperti laman sesawang *Google Scholar*, laman sesawang Dewan Bahasa dan Pustaka, laman sesawang *Library Webopac* Universiti Malaysia Kelantan, *Youtube*, *Academia* dan sebagainya. Kesemua laman sesawang digunakan bagi berfungsi mencari maklumat tambahan agar dapat mencari artikel dan jurnal yang relevan dengan tajuk kajian oleh pengkaji terdahulu berkaitan dengan unsur disfemisme, aspek kepimpinan, filem-filem P. Ramlee dan teori Konseptual Kata Kunci (2005). Laman sesawang *Youtube* pula digunakan untuk melakukan penontonan terhadap filem-filem P. Ramlee yang mengandungi dialog-dialog sejajar dengan konteks kajian oleh pengkaji. Maklumat dan data-data yang diperolehi, diteliti kemudian dikumpulkan untuk dimasukkan ke dalam hasil kajian.

3.4 Carta Alir Metodologi Kajian



Rajah 3.4: Carta Alir Metodologi Kajian

Carta alir metodologi kajian di atas menerangkan tentang kaedah-kaedah yang diaplikasikan dalam kajian. Pengkaji mengenalpasti segala maklumat penting, kajian literatur dan maklumat berkaitan filem yang dijadikan bahan kajian. Terdapat pernyataan masalah berkaitan isu-isu yang berkait, persoalan kajian dan objektif kajian yang digunakan sebagai penanda arah kajian yang dihasilkan. Reka bentuk kajian digunakan untuk menentukan dan mencari data kajian yang tepat. Proses pengumpulan data untuk mendapatkan analisis data dan dapatan kajian. Akhirnya, rumusan kajian dapat dihasilkan setelah melalui kaedah-kaedah yang dilakukan.

3.5 Penerapan teori Konseptual Kata Kunci (2005)

Penerapan teori adalah salah satu aspek penting dalam kajian. Hal ini demikian kerana teori merupakan fakta bagi mengukuhkan pendapat dan hujahan diberikan sekaligus meningkatkan keberkesanan terhadap analisis menepati ketetapan oleh kajian yang dijalankan. Menurut Ence Surahman, Adri Satrio dan Herminarto Sofyan (2020) menyatakan makna teori adalah sekumpulan konstruk (konsep), definisi dan proposisi yang melihat fenomena berfungsi secara sistematik serta menyeluruh mengikut spesifikasi hubungan antara variabel, dapat digunakan untuk menjelaskan dan meramalkan fenomena. Menurut Umar Junus (1999) dalam Mohamad Mokhtar Hassan (2005, p.17) menyatakan suatu teori sastera adalah hasil pengkajian data sastera yang dilihat daripada perspektif tertentu. Kebenaran teori tersebut akan bergantung kepada data yang diperoleh. Oleh itu, pengaplikasian teori dalam kajian ini amat penting untuk mengupas isi maklumat dan permasalahan yang terdapat dalam kajian ini. Maka itu, pengkaji menggunakan teori Konseptual Kata Kunci (2005) oleh Mohamad Mokhtar Hassan untuk mengupas unsur disfemisme dalam dialog filem *Tiga Abdul* dan *Pendekar Bujang Lapok* karya P. Ramlee.

Dalam pada itu, teori Konseptual Kata Kunci yang digagaskan oleh Mohamad Mokhtar Hassan pada tahun 2005 iaitu buku “teori Konseptual Kata Kunci” terbitan Penerbit Universiti Malaya (UM). Menurut Mohd Daud dan Rohaidah (2015) menyatakan bahawa teori Konseptual Kata Kunci adalah pendapat individu yang terbentuk dalam pemikiran terhadap satu gagasan melalui penelitian kata kunci oleh pengkaji. Setiap konsepsi seseorang akan berubah mengikut peredaran masa, zaman mahupun umur. Menurut Nur Fara, Norlela dan Siti Normala (2020) menyatakan bahawa kata-kata yang digunakan oleh penulis dalam karya perlu diperhatikan sebelum mencari konsepsi terhadap isu atau sesuatu perkara. Pembaca yang ingin mengetahui bagaimana seseorang penulis memahami atau melihat isu atau sesuatu perkara memerlukan penelitian terhadap kata kunci yang digunakan dalam karya yang dihasilkan. Setiap bahasa mempunyai kata-kata kunci tersendiri yang mana memaparkan budaya dan masyarakat dalam bahasa yang dimiliki.

Kata kunci juga merupakan perkataan atau diksi yang telah dipilih penulis dalam menghasilkan karya tersebut. Terdapat juga satu kata kunci dalam kelompok yang menjadi titik tumpuan makna yang ingin disampaikan oleh kata-kata kunci digelar sebagai kata fokus. Hal ini bermakna kata fokus adalah sebuah kata kunci yang mempengaruhi makna kata-kata kunci yang lain bergantung kepada bidang yang difokuskan mereka. Terdapat tiga prinsip dalam teori Konseptual Kata Kunci (2005) iaitu prinsip kepengaruan, pemilihan kata dan kesan. Namun pengkaji hanya menggunakan prinsip pemilihan kata sahaja dalam kajian penyelidikan. Seterusnya, kajian ini dapat dibuktikan sekiranya perkataan-perkataan yang dipilih oleh pengkaji dalam dialog filem *Tiga Abdul dan Pendekar Bujang Lapok* karya P. Ramlee memenuhi konsep dan makna yang sewajarnya. Pengaplikasian teori Konseptual Kata Kunci (2005) sesuai

digunakan dalam kajian kerana dapat memberi hujah yang kukuh mengenai kata-kata kunci yang diperolehi daripada filem *Tiga Abdul* dan *Pendekar Bujang Lapok* karya P. Ramlee yang sememangnya mampu membina jati diri dan kesantunan dalam masyarakat.

3.6 Prinsip Pemilihan Kata

Pengaplikasian terhadap teori Konseptual Kata Kunci (2005) telah mengemukakan tiga prinsip utama. Namun, Pengkaji hanya memilih satu prinsip iaitu prinsip pemilihan kata dalam melakukan kajiannya. Melalui dialog-dialog filem *Tiga Abdul* dan *Pendekar Bujang Lapok* hanya berfokuskan kepada kata-kata disfemisme dalam babak-babak filem tersebut. Lazimnya, sesebuah karya penulis sentiasa dipengaruhi oleh konsep yang terlahir daripada pengalaman sendiri dan diamati sepanjang perjalanan kehidupannya. Konsep tersebut akan menjadi coretan dalam karya berupa teks atau penulisan kreatif sebagai tanda luahan perasaan atau gagasan idea dalam penghasilan sebuah karya. Malahan, kata-kata yang dipilih oleh penulis dapat menghasilkan sebuah karya bergantung kepada kreativiti penulis. Hal ini demikian kerana kata-kata atau sekumpulan kata berkaitan dengan konseptual penulis akan diluahkan ke dalam karyanya menggunakan kata-kata kunci yang diulang berkali-kali. Pemilihan kata itu boleh saja bersifat konkrit mahupun bersifat abstrak oleh Mohamad Mokhtar Hassan (2005) mengatakan bahawa penulis lazimnya menggunakan kata-kata dalam lingkungan dirinya sendiri untuk menyatakan konseptual sebetulnya terhadap sesuatu isu berbangkit.

Menerusi prinsip tersebut, dapat disimpulkan kata-kata yang dikeluarkan oleh kita memberi kesan kepada agama, budaya, masyarakat dan sebagainya mampu menyebabkan pembentukan keperibadian dan jati diri manusia. Sehubungan dengan itu, daripada karya-karya

yang dihasilkan itu, para khalayak dapat mengamati dan memahami konseptual penulis itu. Oleh itu, pemilihan kata itu adalah bergantung pada kata yang merangkumi minda dan diri penulis sendiri. Dalam prinsip pemilihan kata, terdapat langkah yang diperlukan dalam mengenal pasti kata kunci. Langkahnya ialah dengan membahagikan kepada beberapa aspek iaitu pendidikan, kekeluargaan, persahabatan, masyarakat, kejiwaan, emosi dan sebagainya.


3.7 Prinsip Kepengaruan

Prinsip kepengaruan sangat menekankan hubungan di antara penulis dan dunia kepengarangannya. Prinsip ini melakukan penilaian terhadap pengaruh terhadap penghasilan karya dengan mendasari beberapa perkara seperti latar belakang penulis, ideologi, faktor umur, zaman dan peredaran masa untuk mengungkap serta melakukan penilaian. Perkara ini telah diperjelaskan dalam pendapat Muhammad Haji Salleh dalam Mohamad Mokhtar Hassan (2002, p. 84) yang mengatakan istilah khusus membina dan sudut pandang bangsa terhadap sastera dan seni muncul daripada budaya kita sendiri yang perlu dititikberatkan (Aharul Hakimin, 2018). Tambahan pula, peneliti seharusnya mengetahui tarikh dan umur penulis bagi mengenal pasti konseptual sesebuah karya tersebut dihasilkan. Justeru, memahami konsepsi pengarang, peneliti akan dapat mudah dan memahami karya pengarang terhadap sesuatu isi, perkara, objek dan peristiwa.

3.8 Prinsip Kesan

Penulisan yang memberi kesan mendalam kepada pembaca terhadap karya yang dihasilkan sama ada memberi kesedaran ataupun tidak. Konseptual penulis dapat dirasai oleh pembaca dengan meneliti kata-kata kunci yang digunakan penulis. Namun, tidak semua pembaca akan mempunyai konseptual yang sama terhadap isu, ideologi, falsafah dan kepercayaan yang diamalkan oleh penulis ketika dikaji. Maklumat ekstrinsik atau dikenali luaran tentang penulis adalah amat penting untuk mengetahui konseptual daripada penulis terhadap isu ataupun permasalahan yang berbangkit. Jika tidak mengenali latar belakang penulis atau yang berkaitan dengan diri penulis akan menyukarkan untuk melihat konseptual penulis dengan tepat (Aharul Hakimin, 2018).

3.9 Kerangka Teori



Gambar Rajah 3.9: Kerangka teori

Gambar rajah 3.9 di atas menerangkan tentang kerangka teori yang berkaitan dengan isu yang ada pada kajian. Pengkaji telah memilih tajuk kajian Unsur Disfemisme Aspek Kepimpinan dalam Dialog Filem *Tiga Abdul* dan *Pendekar Bujang Lapok* Karya P. Ramlee. Filem-filem yang dikaji adalah *Tiga Abdul* dan *Pendekar Bujang Lapok* Karya P. Ramlee dijadikan bahan kajian utama. Pengkaji mengaplikasikan teori Konseptual Kata Kunci (2005) melalui prinsip pemilihan kata. Terdapat dua objektif kajian yang digunakan. Objektif yang pertama adalah mengenalpasti unsur disfemisme aspek kepimpinan dalam dialog filem *Tiga Abdul* dan *Pendekar Bujang Lapok* Karya P. Ramlee berdasarkan teori Konseptual Kata Kunci (2005) dan objektif kedua pula menganalisis kesan penggunaan unsur disfemisme dalam dialog filem *Tiga Abdul* dan *Pendekar Bujang Lapok* Karya P. Ramlee. Kerangka teori ini bertujuan untuk memantapkan lagi kajian yang dihasilkan.

4.0 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, pada bahagian metodologi kajian ini telah merungkaikan maklumat yang terperinci mengenai kajian yang dijalankan melalui kajian kualitatif, reka bentuk kajian iaitu dokumentasi dan kaedah kajian seperti kepustakaan, analisis visual dan laman sesawang serta pengaplikasian teori Konseptual Kata Kunci (2005) dalam prinsip pemilihan kata yang telah dipilih oleh pengkaji diterapkan dalam kajian ini. Perkara-perkara tersebut telah menjadi tunjang utama kajian supaya berjaya mendapatkan hasil analisis yang berkesan menjadikannya sebuah kajian yang lebih teratur dan sempurna.



BAB 4

ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Pada bahagian ini, pengkaji akan membincangkan kajian berdasarkan unsur disfemisme aspek kepimpinan dalam dialog filem *Tiga Abdul* dan *Pendekar Bujang Lapok* karya P. Ramlee akan menghasilkan analisis kajian dengan terperinci. Pengkaji akan menggunakan dialog dalam filem-filem terpilih untuk mengaplikasikan teori Konseptual Kata Kunci oleh Mokhtar Hassan (2005) menerusi prinsip pemilihan kata daripada aspek kepimpinan.


UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

4.2 Kepimpinan

Kepimpinan mendefinisikan keupayaan, kebolehan, pencapaian sebagai pemimpin dan daya, tindak-tanduk, kecekapan sebagai pemimpin (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2015). Konsep kepimpinan dalam Islam yang disebutkan sebagai khalifah yang berarti wakil. Khalifah adalah pengganti pemimpin syariat (Nabi Muhammad S.A.W) dalam memelihara agama dan dunia (Maimunah, 2017). Menurut Rozita Ibrahim et. al (2018) mengatakan bahawa terdapat pelbagai dimensi yang boleh digunakan bagi memenuhi maksud kepimpinan antaranya keupayaan memberi sokongan, mengambil risiko, aktif, sentiasa terkehadapan, berpengaruh, kreatif, inovasi, berorientasikan matlamat dan berorientasikan kemanusiaan. Meskipun terdapat banyak lagi dimensi untuk memahami kepimpinan. Menurut Maimunah (2017) mengatakan manusia memerlukan pemimpin kerana secara semula jadi manusia perlu diatur. Seorang pemimpin juga perlu mewakili kumpulannya dalam beberapa situasi dan sanggup menanggung risiko apabila berlaku tekanan dalam kumpulan. Akhirnya, tempat bagi meletakkan kekuasaan.

Terdapat beberapa kata disfemisme berkait rapat dengan mesej yang ingin disampaikan pengarang berdasarkan aspek kepimpinan. Dalam filem *Tiga Abdul* dan *Pendekar Bujang Lapok* terdapat pelbagai peranan yang dilihat berkait rapat dengan aspek kepimpinan. Pengkaji mendapati terdapat dua hubungan dan tiga peranan yang boleh dilihat berdasarkan aspek kepimpinan dalam filem *Tiga Abdul* iaitu **konflik keluarga** melalui peranan bapa dan anak, peranan adik-beradik serta **kecanggungan masyarakat** iaitu peranan majikan dan pekerja. Sebaliknya, bagi filem *Pendekar Bujang Lapok* pula terdapat tiga hubungan dan terbahagi kepada empat peranan berdasarkan aspek kepimpinan adalah **Jalinan persahabatan**

menunjukkan peranan dengan sahabat. Selain itu, **konflik keluarga** berdasarkan peranan suami dan isteri dan yang terakhir adalah **kecanggungan masyarakat** melalui peranan guru dan pelajar serta peranan majikan dan pekerja.



Rajah 1: Unsur disfemisme aspek kepimpinan melalui teori Konseptual Kata Kunci
(secara umum)

A. Unsur disfemisme dalam dialog filem *Tiga Abdul* daripada Aspek Kepimpinan

4.3 Konflik keluarga

Analisis 1: Peranan bapa dengan anak

Kata disfemisme	Dialog	Minit	Bahasa halus	Kata kunci lain
Mati	<p>“Ayahanda , kalau ayahanda mati, siapakah yang akan mewarisi semua harta?. - Abdul Wahib</p> <p>“... dengar sini, kalaularah ayahanda mati... harta-harta ini ayahanda akan serahkan pada Abdul Wahab...”, - Ismet Ulam Raja</p> <p>“... jikalau ayahanda tidak ke hospital ayahanda akan mati”. -Abdul Wahub</p>	30: 13 31: 01 31: 46	Meninggal dunia Ajal	Maut Mangkat Wafat
Setan	“ Hei Ghasidah pasal apa kau datang ke mari, siapa izinkan kau datang ke mari, balik! balik! anak setan !”. - Sadiq Segaraga	1:21:49	Anak tidak berguna dan tidak memberi manfaat	Iblis

Jadual 1: Senarai unsur disfemisme kepimpinan dalam keluarga melalui peranan bapa dan anak

Berdasarkan jadual analisis satu, penggunaan kata disfemisme mati boleh juga ditukarkan kepada bahasa yang lebih halus serta sopan iaitu meninggal dunia. Perkataan mati juga boleh digantikan dengan kata ajal dan maut berdasarkan kejadian dan situasi yang dialami. Sebaliknya, penggunaan kata mati bersinonim dengan bahasa istana iaitu kata mangkat dan seperkara lagi kata wafat yang dikhususkan bagi golongan para nabi dan rasul dalam ajaran Islam (*Kamus*

Dewan Edisi Keempat, 2015). Dalam ajaran Islam, kata mati sesuai digunakan jika ditujukan untuk orang-orang kafir, munafiq dan mushrik. Tidak dinafikan segelintir masyarakat yang menggunakan mati dalam perbualan kasar harian mereka. Walau bagaimanapun menurut Muhammad Luqman et. al (2021) menyatakan perkataan mati telah dianggap tabu (Nafisah , 2015) dan terkandung dalam kata pantangan budaya masyarakat melayu. Kata disfemisme syaitan pula membawa erti tidak baik kepada manusia. Selain itu, setan atau syaitan bermaksud makhluk halus yang sangat jahat yang menggalakkan orang membuat kejahanan (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2016). Umum mengetahui, syaitan juga seangkatan dengan iblis. Bahasa halus yang lebih sopan boleh digunakan mengikut konteks dialog di atas adalah anak tidak berguna dan tidak memberi manfaat dalam kehidupannya.

Konflik keluarga dalam filem *Tiga Abdul* dapat ditimbulkan melalui hubungan bapa dan anak dapat dilihat pada watak Ismet Ulam Raja sebagai bapa yang penyayang yang mempunyai tiga orang anak lelaki. Dia meninggalkan segala hartanya buat anak-anaknya agar dibahagikan secara adil namun sebaliknya yang berlaku. Perbualan kasar yang berlaku antara Abdul Wahib apabila berbicara dengan bapa mereka mengenai harta ketika sedang sakit. Watak Ismet Ulam Raja yang terpaksa akur dan memberikan jawapan. Kata mati yang digunakan dianggap remeh seolah-olah tidak memberi kesan buruk kepada orang lain. Watak Abdul Wahub yang terpaksa menggunakan dan menegaskan kata mati di atas agar bapanya mendengar kata untuk pergi ke hospital bagi mendapatkan rawatan yang lebih baik. Perbezaan yang ketara dapat dilihat melalui watak Sadiq Segaraga yang menyuruh anak-anak gadisnya menipu dan melakukan kejahanan kepada suami mereka. Watak Ghasidah disumpah oleh bapanya sendiri kerana enggan patuh pada arahan bapanya sedangkan wanita yang berkahwin hanya wajib menuruti perintah suami

asalkan ia tidak berlanggar dengan hukum agama. Menurut Izzah (2015) mengatakan seorang bapa perlu mempamerkan akhlak yang baik terlebih dahulu sebelum memberi didikan akhlak kepada anak-anaknya. Hal ini kerana anak-anak gemar meniru dan mengikuti tindak-tanduk seorang bapa sama ada ianya baik dan buruk bak kata pepatah “ bapa borek anak rintik”. Sekiranya seorang yang lebih berusia menggunakan bahasa yang kasar maka dikhawatir nanti akan diikuti oleh anak muda dan ini adalah kepimpinan yang tidak baik.

Analisis 2: Peranan adik-beradik

Unsur disfemisme	Dialog	Minit	Bahasa halus	Kata kunci lain
Gila	”Mengapa kanda berdua ni hah dah jadi gila kah?! ” - Abdul Wahab	29:14	Hilang ingatan	Orang kurang siuman Bertukar akal
Busuk	“ Dinda tak sangka kanda berdua mempunyai hati yang sungguh busuk! ”.	36:19	Tidak baik budi	Khianat

Jadual 2: Senarai unsur disfemisme dalam peranan adik-beradik

Berdasarkan jadual analisis dua, penggunaan kata disfemisme gila dapat dilihat menerusi watak-watak segelintir manusia yang tidak sensitif dengan keadaan sekeliling. Gila juga boleh ditukarkan kepada bahasa lebih halus iaitu hilang ingatan. Perkataan gila seringkali digunakan untuk menekan atau melebih-lebihkan sesuatu dalam bertutur. Sementara itu, masyarakat yang berbudi bahasa akan menggunakan kata orang kurang siuman. Simpulan bahasa bagi kata gila juga adalah bertukar akal. Penggunaan kata busuk boleh digantikan kepada bahasa yang lebih

halus iaitu tidak baik budi. Dalam penggunaan dialog di atas, menunjukkan busuk itu sendiri membawa maksud lain iaitu khianat.

Dalam filem *Tiga Abdul*, hubungan adik-beradik dapat ditonjolkan melalui watak Abdul Wahab, Abdul Wahib dan watak Abdul Wahub memberi gambaran jelas bahawa mereka merupakan sebuah keluarga yang pada awalnya porak peranda kerana perbalahan yang berlaku antara adik-beradik mengenai harta pusaka setelah bapanya meninggal dunia. Kata gila yang dituturkan menjelaskan bahawa watak Abdul Wahub yang tidak tahan dan berang dengan perbualan dan perbuatan biadap abang-abangnya. Hal ini berpunca daripada sikap watak Abdul Wahab dan watak Abdul Wahib yang sering membangkitkan isu harta pusaka tanpa segan silu sambil menunggu kematian bapanya. Sikap Abdul Wahab dan Abdul Wahib menunjukkan sikap manusia yang mata sudah dibutakan dengan harta, akal dan hatinya penuh kerakusan tanpa berfikir dengan waras. Sesungguhnya, sebagai seorang insan yang mempunyai akhlak baik dan akal yang waras perlu berfikir secara kritis tentang kesan dan akibat yang akan datang melibatkan diri dan keluarga kerana kepimpinan selalu terbentuk sejak kecil.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

4.4 Kecanggungan masyarakat

Analisis 3: Peranan majikan dengan pekerja

Unsur disfemisme	Dialog	Minit	Bahasa halus	Kata kunci lain
Kepala hotak	“ Bagus, kepala hotak tuan penasihat memang bijak. Kenapalah saya tak berfikir dahulu”. - Sadiq Segaraga	39:50	Renung fikir	Fikirkan Bayangkan
Bahlul	“ Aku bukan adikmu bahlul , aku adalah tuan besar di dalam rumah ini!” - Abdul Wahub	1:49:20	Tidak berguna	Tongong

Jadual 3: Senarai unsur disfemisme dalam kecanggungan masyarakat melalui peranan majikan dengan pekerja

Berdasarkan dialog filem *Tiga Abdul* pada jadual analisis tiga, kata disfemisme bagi kepala hotak yang boleh digantikan kepada bahasa yang lebih halus iaitu renung fikir. Kata kunci lain yang boleh diguna pakai adalah fikirkan dan bayangkan sesuatu perkara. Penggunaan kata bahlul ditukarkan kepada bahasa yang lebih sopan iaitu tidak berguna. Kata kunci lain bagi perkataan bahlul adalah tongong memberi maksud yang sama. Perkataan kata kepala hotak dan bahlul digunakan untuk menimbulkan ketegasan makna dialog dengan mengikut suasana dan keadaan semasa berbicara.

Di samping itu, kecanggungan masyarakat dapat dilihat dalam filem *Tiga Abdul* melalui hubungan majikan dengan pekerja menunjukkan kata disfemisme bagi kepala hotak yang ditunjukkan dengan perbualan di antara watak Sadiq Segaraga dan tuan penasihat. Perbualan ini tercetus akibat kelelahan untuk memikirkan idea fikiran baru bagi mengalahkan menantunya sendiri. Watak Sadiq Segaraga sehingga ketandusan idea disebabkan kebijaksanaan watak Abdul Wahub menahan dan memintas segala taktik mereka berdua. Tuan penasihat telah memberi buah fikiran baru kepada Sadiq Segaraga sehingga beliau gembira kembali. Perbualan antara watak Abdul Wahub bersama-sama dengan khadam-khadam mengenai pembahagian harta secara sama rata dan adil kepada mereka semula. Namun demikian, watak Abdul Wahib tidak bersetuju dan menyebutkan bahawa dia abangnya sepatutnya mendapat bahagian lebih. Watak Abdul Wahub pun memekik dengan lantang bahawa dia bukan adiknya dan pada akhirnya mereka semua berbaik. Oleh itu benarlah, kepimpinan itu dapat dipupuk melalui keperibadian seseorang. Perbualan kasar tersebut dapat diubah mengikut cara tersendiri. Teladan yang baik ditonjolkan mampu membentuk acuan yang betul.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

B. Unsur disfemisme dalam dialog filem *Pendekar Bujang Lapok* daripada aspek kepimpinan

4.5 Jalinan persahabatan

Analisis 4: Peranan dengan sahabat

Unsur disfemisme	Dialog	Minit	Bahasa halus	Kata kunci lain
Bodoh	<p>“ Sana laut la bodoh” - Ramli</p> <p>“ Kami bertiga minta maaf encik... bodoh” - Ramli</p> <p>“ Bodoh, tak tahu baca” - Ramli</p> <p>“ Kau yang tak tahu baca, bodoh kau bilang orang itu” - Sudin</p>	<p>19:30</p> <p>38:45</p> <p>58:33</p>	<p>Kurang berakal</p> <p>Dungu</p>	<p>Tolol</p> <p>Bebal</p> <p>Benak</p> <p>Akal pendek</p> <p>Fikiran suntuk</p>

Jadual 4: Senarai unsur disfemisme jalinan persahabatan melalui peranan dengan sahabat

Berdasarkan jadual analisis empat, kata disfemisme bagi bodoh yang boleh digantikan kepada bahasa yang lebih halus iaitu kurang berakal. Penggunaan kata bodoh ditukarkan kepada perkataan dungu. Kata kunci lain bagi perkataan bodoh adalah tolol, bebal dan benak membawa maksud yang sama. Simpulan bahasa yang sesuai digunakan bagi bodoh merupakan akal pendek dan fikiran suntuk. Perkataan bodoh itu sendiri telah menunjukkan kesalahan atau kecuaian yang tidak sengaja dilakukan oleh seseorang.

Seterusnya, dalam filem *Pendekar Bujang Lapok* yang menimbulkan jalinan persahabatan melalui hubungan dengan sahabat telah menunjukkan perbualan di antara watak Ramli, Ajis dan Sudin. Mereka sering bergurau senda dengan menggunakan bahasa kasar. Perbualan tersebut mengeluarkan kata bodoh oleh watak Ramli kepada Ajis kerana sewaktu dia bertanya kepada sahabatnya tentang arah kampung yang ingin dituju. Perkataan bodoh juga digunakan untuk menyindir antara satu sama lain. Aspek kepimpinan dalam persahabatan dapat dilihat semasa memberi dorongan untuk melakukan kebaikan bukannya kemudaratian. Sahabat itu sendiri perlu dibimbing dan membimbing kerana cenderung mempengaruhi tindakan kita.

4.6 Konflik keluarga

Analisis 5: Peranan suami dan isteri

Unsur disfemisme	Dialog	Minit	Bahasa halus	Kata kunci lain
Jantan/ betina	“ Dah kalau mak bapak sama, mana jantan mana betina ”- Mak Eh	29:52	Lelaki dan perempuan	Wanita

Jadual 5: Senarai unsur disfemisme konflik keluarga dengan peranan suami dan isteri

Berdasarkan jadual analisis lima, kata disfemisme bagi jantan dan betina yang boleh digantikan kepada bahasa yang lebih halus iaitu lelaki dan perempuan. Kata kunci lain bagi perkataan betina adalah wanita. Jantan dan betina hanya tergolong dalam jenis kelamin bagi haiwan dan tumbuh-tumbuhan. Penggunaan kata jantan dan betina menimbulkan rasa tanda tanya kepada watak Mak Eh. Dalam pada itu, filem *Tiga Abdul* menunjukkan konflik keluarga

yang berlaku sewaktu perbualan antara watak Mak Eh dan watak Ros. Watak Mak Eh yang pelik dengan percakapan anaknya. Bahasa yang disampaikan oleh seorang anak perlu penuh kesantunan tanpa menyakitkan hati kedua ibu bapa bagi menghormati mereka. Percakapan dan bahasa itu melambangkan keperibadian seseorang. Tuntasnya, asuhan dan didikan mengikut kepimpinan dan teladan ibu bapa yang baik mampu membentuk personaliti dan akhlak yang baik.

4.7 Kecanggungan masyarakat

Analisis 6: Peranan guru dengan pelajar

Unsur disfemisme	Dialog	Minit	Bahasa halus	Kata kunci lain
Pekak	“... iya pakcik, kenapa pakcik pekak pakcik?” - Sudin	54:09	Kurang pendengaran	Tiada kata kunci lain
Mambah	<p>“ Hei mambah tanah mambah air mambah api mambah angin mambah berasal dari gunung si mambah” - Pendekar Mustar</p> <p>“ Hei berapa banyak mambah muh cakap hah” - Ramli</p> <p>“... berdampinglah denganku wahai si mambah... hanya itulah pesanku mambah” - Pendekar Mustar</p> <p>“ Hei mambah tanah, mambah pokok, mambah daun...”, - Ajis</p> <p>“ Hei mambah kuning, mambah merah...”- Ramli</p>	57:09 57:24 57:36 57:49	Hantu	Lembaga

	<p>“ Hei mambang tanah mambang air mambang api mambang angin mambang mabuk minum...”, - Sudin</p> <p>“ Matanya satu saja, ada ekor, atas tanah? hah huruf mambang tanah. - Ramli</p> <p>“ Yang ini bukan mambang tanah cik Ramli, ini huruf jim” - Ros</p> <p>“ Jim dengan mambang kan tak jauh” - Ramli</p>	58:47 59:23 1:04:29 1:04:43 1:04:49		
Sumbang	<p>“ Suaranya agak macam-macam, ada suaranya macam Jasmi.... macam sumbang” - Pendekar Mustar</p> <p>“ Sumbang” - Pendekar Mustar</p>	1:11:30 1:17:40	Suara tidak merdu	Tiada kata kunci lain

Jadual 6: Senarai unsur disfemisme dalam kecanggungan masyarakat dalam peranan guru dengan pelajar


Berdasarkan jadual analisis enam, penggunaan kata disfemisme pekak. Bahasa halusnya adalah kurang pendengaran. Perkataan pekak kerap digunakan bagi isu pendengaran. Dalam penggunaan dialog di atas, sama ada untuk menyatakan orang tersebut Orang Kurang Upaya Pendengaran ataupun hanya menyindir seseorang. Kata disfemisme mambang mempunyai bahasa halus iaitu hantu manakala kata kunci lain adalah lembaga. Perkataan sumbang juga mempunyai bahasa halus iaitu suara tidak merdu.

Dalam filem *Pendekar Bujang Lapok*, melalui kecanggungan masyarakat dengan hubungan guru dengan pelajar dapat dilihat perbualan watak Sudin dengan gurunya Pendekar Mustar. Pada ketika itu, mereka berbual secara bersahaja dan pakcik tidak mendengar apa yang ingin disampaikan oleh Sudin. Watak Sudin yang bengang dan geram menggunakan kata yang kasar kepada pakcik. Begitu juga dengan watak Pendekar Mustar yang menggunakan kata mambang bagi mantera untuk tiga orang pelajar iaitu watak Ramli, Ajis dan Sudin. Mereka bertiga merapu dan tidak berjaya mencatat mantera tersebut kerana buta huruf yang menyebabkan mereka dimasukkan ke sekolah. Pada masa yang sama, watak Ros iaitu anak Pendekar Mustar dan Mak Eh mengajar di sekolah tersebut. Berlaku perbualan guru dan pelajar antara Ros dan Ramli dalam sesi soal jawab mengenai huruf jawi. Sehubungan dengan itu, adab belajar dengan guru perlu diterapkan dalam diri setiap individu. Guru sebagai pemimpin perlu membimbang pelajar-pelajarnya ke arah yang betul.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

4.8 Kesan penggunaan unsur disfemisme dalam dialog filem *Tiga Abdul* dan *Pendekar Bujang Lapok*

Pengkaji telah menemukan beberapa kata kunci yang telah dinyatakan dalam filem-filem tersebut telah menunjukkan terdapat kesan penggunaan terhadap disfemisme. Unsur disfemisme yang terkandung dalam dialog filem-filem tersebut telah menerangkan kesan penggunaan sekaligus menyampaikan mesej yang tersirat dan tersurat terhadap masyarakat.



Rajah 2: Kesan penggunaan unsur disfemisme (secara umum).

4.8.1 Kata Disfemisme Mati, Kematian dan Mampus

Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2021, p.1007) menyatakan mati yang membawa erti tidak bernyawa lagi dan tidak hidup lagi. Perkataan mampus juga sama erti dengan mati. Perkataan kematian juga boleh digantikan dengan pemergian dan kembali ke rahmatullah bagi yang muslim untuk menghormati setiap ahli keluarga. Suasana hiba akan kehilangan anggota keluarga dan kematian menyebabkan cara berbahasa seseorang yang ingin memperkatakan hal kematian perlu beradab dan sopan santun tanpa menimbulkan kontroversi. Selain perkataan mati, ajal dan maut juga sering digunakan dalam kalangan masyarakat. Ajal bermaksud batas hidup yang ditentukan oleh tuhan manakala maut merujuk pada manusia (*Kamus Dewan*, 2007). Dalam filem tiga Abdul dapat dilihat pada dialog perbualan di antara watak Abdul Wahab dan Abdul Wahib yang seringkali menggunakan kata mati. Selain itu, dalam filem pendekar bujang lapok, dapat dilihat perbualan di antara Towkay sampan bersama anak buahnya iaitu samseng. Berdasarkan contoh teks dialog di bawah:

“ Abdul Wahib: Sekarang ayahanda sudah **mati**, berapa bahagian adinda? ”.

“ Abdul Wahab: Adinda akan dapat lebih daripada Abdul wahub ”.

(Filem *Tiga Abdul*, 1964: Minit 33.10-33.15)

“ Abdul Wahab: Kalau nak diikutkan adinda satu sen pun tak boleh dapat! ”

“ Abdul Wahub: Sebab! ?

“ Abdul Wahab: Adinda yang menyebabkan **kematian** ayahanda ”.

(Filem *Tiga Abdul*, 1964: Minit 35.52-35.57)

“ Towkay sampan: Biar dia **mampus**... tua kutuk tak sedar diri! ”

“ Samseng: Biar dia mampus, haha,”

(Filem *Pendekar Bujang Lapok*, 1959: Minit 12.20-12.24)

Menerusi dialog di atas, dalam filem *Tiga Abdul* iaitu pada watak Abdul Wahab yang gembira tentang pemergian ayahanda dan telah bertanya kepada abangnya dengan mengenakan nada dan mimik muka serius mengenai pembahagian harta manakala watak Abdul Wahab menggunakan kata mati untuk menyatakan perasaan marah kepada adik bongsunya Abdul Wahub. Dalam filem *Pendekar Bujang Lapok* pula menunjukkan watak Towkay sampan bengang dengan pendekar Mustafar dan bujang lapok yang telah merosakkan dan memusnahkan jeti serta mencuri sampannya. Watak samseng yang bergelak tawa sambil berkata buruk menyokong kenyataan dan permintaan majikannya. Perkataan mati yang digunakan telah membawa makna dan memberi kesan yang berbeza dan mendalam kepada setiap individu. Watak Abdul Wahib dan Abdul Wahab menggunakan perkataan mati bagi tujuan lain bukannya yang lazimnya digunakan untuk menyatakan kematian seseorang. Perkataan mampus juga digunakan oleh watak Towkay sampan dan samseng bertujuan untuk menyumpah dan mengutuk orang lain bersama-sama. Kata mati seharusnya bertujuan menimbulkan perasaan atau emosi yang hiba, sebak dan sedih manakala mampus adalah kata tohmahan kepada seseorang. Bagi konteks dialog-dialog di atas, sememangnya perkataan mati dan mampus tersebut keterlaluan untuk diterapkan dan digunakan dalam sebuah filem, namun secara langsung ia telah memberikan pemahaman yang mudah dihadam oleh semua peringkat umur kerana perkataan tersebut merupakan perkataan saban hari masyarakat.

4.8.2 Kata Disfemisme Bodoh dan Bahlul

Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2021) menyatakan bodoh bermaksud sukar mengerti atau mempelajari sesuatu. Bahlul pula bermaksud bangang atau tonggong (*Kamus Saku*, 2017). Perkataan bodoh dan bahlul boleh digantikan dengan kata kurang berakal. Terdapat juga kata yang sinonim dengan kata bodoh iaitu dungu, bebal, bangang dan tolol dan sebagainya. Perkataan bodoh dan bahlul sering digunakan untuk memperlihatkan rasa ketidakpuasan hati, tidak suka, rasa jengkel dan merendah-rendahkan seseorang. Ianya juga bertujuan menunjukkan kesalahan dan kelemahan individu. Dalam filem *Tiga Abdul* telah menunjukkan watak Abdul Wahub yang menggunakan kata bodoh dan bahlul dengan pekerjanya. Seterusnya, dapat dilihat dalam filem pendekar bujang lapok perbualan di antara watak Ramli dan Sudin yang menggunakan kata bodoh antara mereka. Contoh teks dialog:

“ Kamu berdua yang **bodoh!**” - Abdul Wahub
“ Hamba **bodoh** tuan”-Abdul Wahab dan Abdul Wahib
“ Tau pulak dia **bodoh** ye”-Abdul Wahub

(Filem *Tiga Abdul*, 1964: Minit 1.46.16- 1.46.22)

“Aku bukan adikmu **bahlul**, aku adalah tuan besar di dalam rumah ini!”
- Abdul Wahub

(Filem *Tiga Abdul* , 1964: Minit 1.49.20)

“ **Bodoh**, tak tahu baca” - Ramli
“ Kau yang tak tahu baca, **bodoh** kau bilang orang itu” - Sudin

(Filem *Pendekar Bujang Lapok*, 1959: Minit 58.33-58.35)

Menerusi dialog di atas, watak Abdul Wahub yang meluahkan rasa marah dan geram terhadap hamba-hambanya. Sebenarnya, hamba-hambanya itu merupakan abang-abangnya setelah papa kedana. Dia membeli mereka berdua dengan sengaja kerana mempunyai motif yang tersendiri. Watak Abdul Wahub yang telah memperlihatkan wajah yang berang dan menggunakan nada yang tinggi sewaktu perbualan itu berlaku kerana kebodohan mereka yang telah tertipu dengan Sadiq Segaraga yang juga telah dibeli atas sebab-sebab tertentu. Kata bahlul yang digunakan oleh watak Abdul Wahub juga yang tidak suka disamakan taraf dengan khodam. Dalam filem *Pendekar Bujang Lapok*, dialog berikut memperlihat watak Ramli yang sahaja mengusik dan menyindir sahabatnya dengan ekspresi muka bangga kerana watak Ajis tidak tahu membaca. Watak Sudin yang memperli Ramli kerana dia pun sama sahaja seperti watak Ajis. Perkataan bodoh dan bahlul dalam filem *Tiga Abdul* ditampilkan dengan dialog Abdul Wahub yang bertujuan untuk memperlekeh dan menyedarkan adik-beradiknya tentang kesalahan masing-masing yang terlalu mempercayai orang luar. Kata bahlul juga bertujuan menegaskan bahawa Abdul Wahub adalah tuan besar. Sebaliknya, perkataan bodoh dalam filem *Pendekar Bujang Lapok* bertujuan gurau senda bersama rakan karib. Justeru, konteks dialog-dialog tersebut menggunakan perkataan bodoh dan bahlul yang kasar dalam filem yang mungkin boleh menyebabkan seseorang itu berasa malu dan marah. Namun, ianya digunakan untuk menambahkan rasa emosi kepada penonton. Umum mengetahui, kata bodoh dan bahlul adalah perkataan tidak sesuai digunakan oleh masyarakat kerana makna yang tidak bermanfaat.

4.8.3 Kata Disfemisme Busuk

Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2021) busuk membawa makna berbau tidak sedap, jahat, dengki, khianat dan tidak baik budi. Perkataan busuk seringkali digunakan untuk menunjukkan rasa tidak nyaman terhadap sesuatu perkara sama ada daripada luaran atau dalaman. Dalam filem *Tiga Abdul*, kata busuk diguna pakai untuk menegaskan sesuatu perkara. Perkataan busuk digunakan di dalam filem *Tiga Abdul* semasa berlaku perbualan watak Abdul Wahub dengan adik-beradiknya. Contohnya, dialog di bawah:

“Dinda tak sangka kanda berdua mempunyai hati yang sungguh **busuk!**”.
- Abdul Wahub

(Filem *Tiga Abdul*, 1964: Minit 36.19)

Mengikut dialog di atas, watak Abdul Wahub menggunakan perkataan busuk untuk menyatakan perasaannya yang sakit hati dengan tindakan adik- beradiknya terlalu sangat sukakan harta sehingga tidak mempedulikan ayahanda mereka yang sudah tiada bahkan sikap mereka menyebabkan watak Abdul Wahub terasa dikhianati oleh darah daging sendiri. Hal ini terjadi kerana adik- beradiknya yang berpaktat bersama untuk membolot harta tanpa dibahagikan secara adil. Perkataan busuk oleh watak Abdul Wahub ini bertujuan untuk menunjukkan rasa kejengkelan terhadap sikap watak Abdul Wahab dan Abdul Wahib. Oleh itu, konteks dialog tersebut untuk menyatakan perkara yang tidak baik dan perkataan busuk itu membawa makna tersendiri. Segelintir masyarakat mengenakan perkataan tersebut untuk individu yang berhati busuk dan rata-rata mengenakan perkataan ini bagi mendeskripsi sesuatu bau yang kurang enak. Semuanya bergantung kepada sesuatu situasi.

4.8.4 Kata Disfemisme Buta

Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2021) buta adalah tidak dapat melihat atau rabun. Perkataan buta biasanya menjelaskan sesuatu perkara yang berkait rapat dengan kekurangan penglihatan. Terdapat banyak makna bagi perkataan buta yang boleh digunakan oleh masyarakat seperti buta warna, buta hati dan sebagainya. Namun begitu, kata buta agak sensitif terutamanya bagi golongan orang kurang upaya penglihatan. Ianya dianggap kurang sopan dan tidak beradab. Penggunaan kata buta dianggap seolah-olah menghina ciptaan tuhan bagi mereka yang mengalami kekurangan. Negara Malaysia telah menubuhkan perbadanan khas buat golongan ini iaitu Pertubuhan Pembangunan Orang Buta Malaysia (PPOBM) untuk menjaga kebajikan OKU penglihatan. Di samping itu, dalam filem pendekar bujang lapok melihat dialog watak Ajis bersama gurunya. Contoh teks dialog:

“ Oh dia tiada mata? sama-sama jim, oh jim mata **buta** lah cikgu” - Ajis

“ Mata **buta**, hahahaha..”, - Orang Kampung

“ Yang ini bukan jim mata **buta** cik Ajis” - Ros

(Filem *Pendekar Bujang Lapok*, 1959: Minit 1.05.01-1.05.11)

Demikian itu, teks dialog di atas dapat dilihat watak Ajis yang diketawakan oleh orang kampung akibat kesalahan yang dilakukannya. Hal ini kerana Ajis yang yakin dengan jawapannya betul apabila disoal oleh guru berkenaan huruf jawi jim. Dia bertambah yakin apabila penerangan yang dilakukan oleh gurunya yang mengatakan huruf jim itu tiada mata. Kemudian, orang kampung menggunakan kata buta untuk saling mengejek dan mencari kesalahan. Perkataan buta tersebut dijadikan bahan lawak buat mereka. Penggunaan kata tersebut mengandungi nilai rasa memalukan dan bertujuan mengaibkan seseorang. Rentetan daripada itu,

kata buta dalam filem pendekar bujang lapok tersebut dapat membantu dan banyak menyampaikan mesej di sebalik makna tersirat supaya adab tidak diabaikan di dalam kehidupan seharian.

4.8.5 Kata Disfemisme Gila dan Tergila-gila

Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2021) menyatakan gila bermakna tidak sihat dan tidak waras fikirannya. Menurut *Kamus Saku* (2017) tergila-gila adalah terlalu suka. Perkataan gila bersinonim dengan gangguan jiwa. Kebiasaanya, gila merujuk pesakit yang mengalami masalah jiwa dan mental. Terdapat pelbagai maksud kata-kata bagi gila dan tergila-gila yang boleh dilihat dalam filem tiga Abdul berlaku perbualan antara watak Abdul Wahub dan watak Ghasidah. Contohnya, dalam petikan di bawah:

“... lagunya perempuan **gila** anak saudagar penipu”, - Abdul Wahub
“... di sini datang ke sini bukan sebab **tergila-gila** dekat di sana”. - Ghasidah

(Filem *Tiga Abdul*, 1964: Minit 46.38 -53.29)

Tambahan pula, mengikut dialog di atas memperlihatkan watak Abdul Wahub dan watak Ghasidah yang bertengkar sebelum mereka berkahwin. Watak Abdul Wahub yang melayan pelanggan dengan tenang. Perkataan gila tersebut bertujuan untuk mengusik dan bergurau senda. Watak Ghasidah yang menerangkan dirinya tidak menyukai watak Abdul Wahub dan menafikan perasaan sukanya dengan nada yang berlagak dan bongkah. Penggunaan kata tergila-gila dalam filem ini bertujuan menolak perasaan jujur tentang perasaan suka. Padahal, kata tergila-gila ini persis kata peribahasa “gila bayang”. Natijahnya, setiap masyarakat tidak digalakkan

menggunakan kata gila dan tergila-gila kerana ianya dianggap kurang sopan serta tidak memenuhi adab dalam perbualan.

4.8.6 Kata Disfemisme Jembalang, Jin dan Mambang

Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2010) yang mendefinisikan jembalang adalah hantu tanah yang kadang-kadang menyerupai diri seperti rusa. Jin bermaksud makhluk Allah yang diciptakan Allah daripada api yang boleh menyerupai malaikat (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2015). Mambang merupakan hantu yang bermacam-macam warnanya dan disebut tempatnya (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2021). Menurut Mohd Zohdi (2014) mengatakan jin dan syaitan telah dikenali dengan nama ‘hantu’ mengikut budaya Melayu. Kepercayaan ini telah diwarisi daripada generasi ke generasi sebelum zaman kedatangan Islam, Hindu dan Buddha. Panggilan lain bagi jembalang, jin, mambang dan hantu adalah lembaga. Jembalang, jin dan mambang sangat dikenali oleh orang dulu yang mempercayai kewujudan dan kehebatan dalam membantu manusia walaupun hakikatnya menyesatkan serta memudaratkan. Dalam filem *Tiga Abdul* menunjukkan perbualan antara Sadiq Segaraga dengan segelintire masyarakat dan juga filem *Pendekar Bujang Lapok* berlaku perbualan antara watak Pendekar Mustar dengan watak Ramli. Contohnya dalam teks dialog:

“ Hei semua berhenti, apa kau ingat harta bapak korang! **Jin!** Iblis!
Jembalang!” - Sadiq Segaraga

(Filem *Tiga Abdul*, 1964: Minit 1.34.27)

“ Hei **mambang** tanah **mambang** air **mambang** api **mambang** angin **mambang**
berasal dari gunung si **mambang**” - Pendekar Mustar
“ Hei berapa banyak **mambang** mahu cakap hah” - Ramli

“... berdampinglah denganku wahai si **mambang**... hanya itulah pesanku **mambang**”
-Pendekar Mustar

(Filem *Pendekar Bujang Lapok*, 1959: Minit 57.09-57.37)

Berpandukan teks dialog di atas, situasi yang tidak terkawal berlaku kepada watak Sadiq Segaraga yang terpaksa akur dengan tindakan menantunya Abdul Wahub memanggil orang-orang luar mengambil barang di dalam kedainya secara percuma. Watak Sadiq Segaraga yang marah sehingga mengeluarkan kata-kata tidak sopan dengan nada yang tinggi. Penggunaan kata jembalang dan jin bertujuan menyatakan perasaan yang sangat marah dan geram. Hal ini disebabkan oleh perjanjian yang dilakukan bersama watak Abdul Wahub telah merugikan dirinya. Sifat tamak dengan harta ini mampu menjerumuskan manusia ke lembah kehancuran. Menurut Siti Zuhaidah, et. al (2014) menyatakan Cendekiawan Melayu dahulu ada menyebut tentang “orang tamak selalu rugi” membuktikan sifat cinta kepada kebendaan ini seharusnya dijauhi daripada masyarakat bagi mengelakkan tabiat buruk. Sehubungan dengan itu, dalam filem pendekar bujang lapok menggunakan perkataan mambang sebagai bacaan mantera bagi sesi pembelajaran dalam ilmu mempertahankan diri iaitu silat. Perbualan watak pendekar Mustar dengan watak Ramli berlaku kerana mencelah bacaan mantera. Watak Pendekar Mustar yang merasa lelah dengan tindakan bersahaja pelajarnya. Perkataan mambang bertujuan menyeru makhluk itu untuk muncul di hadapan bagi ujian keberanian. Seperkara lagi, perkataan mambang juga sering disebut oleh masyarakat apabila makhluk tersebut muncul secara tiba-tiba di hadapan manusia dengan sengaja. Justeru itu, masyarakat kini jarang menggunakan kata jin, jembalang dan mambang kerana pemikiran mereka ke arah modenisasi lalu mengendahkan unsur mistik jika

tidak mengalaminya sendiri. Kata-kata ini tidak memudaratkan seseorang sekiranya digunakan dengan tepat.

4.8.7 Kata Disfemisme Jantan dan Betina

Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2010) jantan bermakna jantina yang tidak boleh membiak atau orang yang berani dan gagah. Perkataan jantan acapkali digunakan untuk binatang dan tumbuh-tumbuhan. Mengikut *Kamus Saku* (2017) betina membawa maksud jenis kelamin yang dapat melahirkan anak atau bertelur. Begitu juga dengan betina berkaitan dengan haiwan dan tumbuhan, pokok atau bahagian yang mengeluarkan putik atau buah. Dalam filem *Pendekar Bujang Lapok*, terdapat perbualan di antara watak Mak eh dengan watak Ros iaitu anak peremuannya. Misalnya, petikan dialog di bawah:

“ Dah kalau mak bapak sama, mana **jantan** mana **betina**”- Mak eh

(Filem *Pendekar Bujang Lapok*, 1959: Minit 29.52)

Seterusnya, menerusi dialog di atas, watak Mak eh yang membebek setelah anaknya menyindir kedua ibu bapanya kerana selalu menjemput dan melayan orang asing ke rumah. Watak Mak eh menggunakan nada biasa yang berasa hairan dan menimbulkan persoalan terhadap anaknya itu. Sebagaimana yang kita sedia maklum, perkataan jantan dan betina khususnya digunakan bagi tujuan membezakan jenis kelamin binatang oleh masyarakat. Penggunaan kata-kata tersebut dianggap kurang sesuai atau kasar bagi panggilan manusia kerana menyamakan seseorang dengan haiwan. Dengan itu, perkataan jantan dan betina kurang sesuai bagi percakapan harian kerana dianggap kurang ajar oleh masyarakat. Ianya hanya boleh digunakan pada waktu dan situasi yang sesuai sahaja.

4.8.8 Kata Disfemisme Khadam

Menurut Kamus Pelajar Edisi Kedua (2016) khadam bermakna orang yang bekerja di rumah orang lain. Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2021) khadam juga bermaksud hamba, orang suruhan (gajian), pelayan yang beberapa tahun menjadi seorang yang setia. Istilah lain bagi perkataan khadam adalah pembantu dan orang gaji. Tugas khadam mentaati semua perintah tuannya. Dalam filem tiga Abdul, terdapat perbualan di antara watak Abdul Wahab dan Abdul Wahab. Berikut, contoh teks di bawah:

“ Abdul Wahab jika adinda tidak mahu tinggal di sini, kekanda akan berhentikan **khadam!**”- Abdul Wahab

“ **Khadam**, kamu boleh tinggal di sini, dan buatlah rumah ini seperti rumah kamu sendiri...”- Abdul Wahab

“ Diam! kau cuma seorang **khadam** saja- Abdul Wahab

(Filem *Tiga Abdul*, 1964: Minit 36.40-37.07)

Berdasarkan petikan tersebut, dapat dilihat watak Abdul Wahab yang memberi ugutan kepada watak Abdul Wahab mengenai pemecatan kerja kepada khadam mereka. Hal ini berpunca daripada tindakan watak Abdul Wahab yang tidak angkur dengan arahan abangnya. Watak Abdul Wahab yang baik hati memberi kebenaran kepada khadam untuk menjaga rumah tersebut sehingga dia pulang dengan kejayaan. Ekoran daripada peristiwa itu, khadam memberi nasihat dan kemudian dimarahi oleh watak Abdul Wahab dengan nada yang tinggi. Dia berasa hina dan tidak suka apabila ditegur. Perkataan khadam bertujuan untuk menyedarkan kedudukan individu dan hanya bertindak mengikut arahan. Sistem penghambaan telah ditamatkan dalam kalangan masyarakat kerana setiap manusia berhak bebas tanpa halangan. Hakikatnya, dahulu seorang hamba hanya boleh merdeka apabila dinikahi sahaja. Menurut Jasni (2010) hamba

adalah dianggap sebagai harta yang boleh dijual beli cuma bagi penjualan hamba yang Islam, Islam mensyaratkan pembeli juga adalah beragama Islam. Maka, perkataan khadam jarang atau tidak lagi disebut pada zaman sekarang kerana tiada kepentingan dan agak sensetif. Penggunaan kata khadam memberi sedikit gambaran tentang keadaan masyarakat dahulu yang memberi kesedaran kepada setiap lapisan masyarakat sekarang untuk terus bersyukur.

4.8.9 Kata Disfemisme Najis

Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2021) najis adalah kotoran. Najis juga adalah sesuatu yang kotor seperti tahi dan air kencing. Perkataan najis sama seperti benda kotor. Lain daripada itu, najis dalam Islam bermakna perasaan manusia yang menganggap sesuatu yang kotor. Menurut Basirah et.al (2018) pula, najis merupakan nama bagi benda kotor sama ada najis hukmi atau haqiqi. Mazhab Syafie telah membahagikan najis kepada tiga jenis. Pertama ialah najis mughallazah (berat) iaitu anjing, babi dan semua yang berkait rapat. Kedua pula ialah mutawassitah (pertengahan) iaitu selain daripada najis tergolong dalam najis mughallazah dan mukhaffafah. Ketiga pula disebut sebagai mukhaffafah (ringan) iaitu najis bayi lelaki yang daripada dua tahun yang masih menyusu. Dalam filem *Tiga Abdul* menunjukkan watak Abdul Wahub melakukan perbualan dengan isterinya. Contoh teks dialog:

“... dan yang tua ini ialah pencaci tua pengangkat **najis**” - Abdul Wahub

(Filem *Tiga Abdul*, 1964: Minit 1.08.45)

Akhir sekali, mengikut dialog di atas dapat ditlihat watak Abdul Wahub memperkenalkan khadam baru kepada isterinya Ghasidah dengan nada dan mimik muka bersahaja tanpa rasa bersalah. Hal ini demikian, memperlihatkan watak Ghasidah hanya mampu terdiam dan kaku

kerana dia tidak boleh melawan suaminya. Perkataan najis lazimnya digunakan dalam perbualan harian dan berkait rapat dengan perkara sains. Walaupun begitu, perkataan najis di atas menunjukkan rasa sangat jijik dan dianggap tabu untuk ditujukan kepada seseorang. Oleh itu, setiap masyarakat mendapat gambaran yang jelas bagi kata najis tersebut dan mereka memahami dengan mudah sekiranya sesuatu maklumat dalam filem tersebut disampaikan dengan terperinci.

4.9 Penutup

Kesimpulannya, hasil daripada analisis terhadap unsur-unsur disfemisme dalam dialog filem Tiga Abdul dan filem pendekar bujang lapok. Filem-filem ini memaparkan unsur disfemisme seperti mati, bodoh, busuk dan sebagainya. Oleh itu, unsur-unsur disfemisme ini dapat menjadikan pengajaran dalam kehidupan sekaligus membantu dalam membentuk akhlak dan keperibadian yang unggul dalam diri setiap individu serta mewujudkan kehidupan yang harmoni dan sejahtera.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 5

KESIMPULAN

5.1 Pengenalan

Bab lima ini adalah bab terakhir yang telah dirumuskan oleh pengkaji dalam melaksanakan penelitian terhadap unsur disfemisme dan aspek kepimpinan dalam dialog filem *Tiga Abdul* dan *Pendekar Bujang Lapok* karya P. Ramlee. Pada bab ini juga, pengkaji akan mengemukakan implikasi kajian dan cadangan yang berkualiti dalam menambah mutu penyelidikan untuk mengisi kelompongan kajian ini pada masa depan.

5.2 Rumusan Kajian

Secara keseluruhannya, kajian yang dihasilkan dengan melaksanakan analisis secara terperinci berkenaan penelitian unsur disfemisme filem aspek pimpinan dalam dialog filem *Tiga Abdul* dan *Pendekar Bujang Lapok* karya P. Ramlee satu penelitian teori Konseptual Kata Kunci. Kajian ini membuktikan bahawa setiap objektif telah berjaya dicapai. Filem Tiga Abdul dan Pendekar Bujang Lapok karya P. Ramlee yang dipertontonkan bukan dicipta sebagai hiburan semata-mata namun ianya terbukti sarat dengan pengajaran dan iktibar walaupun terdapat unsur disfemisme dan kajian ini berdasarkan teori Konseptual Kata Kunci. Kajian ini juga sebenarnya bertujuan untuk menerapkan kepentingan dalam menjaga kesantunan dalam apa jua yang dilakukan. Pengkaji juga dapat menjadikan filem-filem ini sebagai medium pendidikan untuk memupuk kesedaran dalam masyarakat melalui unsur disfemisme dan aspek kepimpinan. Kajian

ini juga memenuhi ruang kelompongan kajian lepas dari segi filem dan unsur disfemisme. Setiap peristiwa dalam filem-filem tersebut dapat memberi kesan dalam kehidupan yang berguna untuk ,masa kini dan masa depan.

Selain itu, kajian ini mengaplikasikan teori Konseptual Kata Kunci dalam filem-filem terpilih. Hal ini kerana teori Konseptual berdasarkan prinsip pemilihan kata melalui aspek kepimpinan yang sesuai dan berkaitan dengan unsur disfemisme. Pengkaji telah meneliti kata-kata disfemisme dalam filem-filem terpilih. teori ini menekankan karya penulis yang menekankan pengalaman sendiri. Hal ini kerana babak-babak dalam filem menunjukkan realiti sebenar kehidupan sesebuah masyarakat. Perhubungan merangkumi suami isteri, adik-beradik, persahabatan, guru dan pelajar mempengaruhi perjalanan hidup setiap individu. Perkara ini juga menjelaskan filem-filem tersebut membawa impak yang agak besar dalam pembentukan sikap individu dalam aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek.

Tambahan pula, dapat dilihat bahawa karya filem sastera yang dihasilkan oleh P. Ramlee banyak memaparkan hal-hal kemasyarakatan, kekeluargaan, kepimpinan dan toleransi yang sejajar dengan masyarakat tanpa mengira bangsa dan agama. Hal ini demikian kerana perkara tersebut sememangnya berlaku dalam kalangan masyarakat dengan melalui sistem politik, ekonomi dan sosial. Filem-filem yang dihasilkan pada zaman ini lebih mengetengahkan isu gangsterisme dan percintaan serta kurang mengambil berat mengenai realiti kehidupan yang dialami oleh masyarakat. Hal ini dilihat berpunca daripada permintaan penonton sendiri terdiri daripada generasi muda yang lebih gemar menyelami karya-karya filem cinta dan aksi sahaja. Generasi muda juga lebih menjurus ke arah filem luar seperti *hollywood*, *bollywood* bukannya

filem tempatan. Hakikatnya, karya filem-filem P. Ramlee masih relevan untuk digunakan pada semua golongan umur kerana erdapat nilai positif yang diangkat sebagai pemangkin perubahan.

Kajian ini membuktikan bahawa kedua-dua objektif telah menjawab segala persoalan. Objektif pertama adalah mengenal pasti unsur disfemisme aspek kepimpinan dalam dialog Filem Tiga Abdul dan Pendekar Bujang Lapok karya P. Ramlee berdasarkan teori Konseptual Kata Kunci (2005). Filem-filem ini menunjukkan kata disfemisme yang mampu memberi dorongan kepada masyarakat agar menjaga komunikasi dan kesantunan dalam berbahasa. Objektif kedua pula adalah menganalisis kesan penggunaan disfemisme dalam dialog Filem *Tiga Abdul* dan *Pendekar Bujang Lapok* karya P. Ramlee. teori Konseptual Kata Kunci oleh Mokhtar Hassan yang diaplikasikan berdasarkan prinsip pemilihan kata dapat mengesan aspek kepimpinan dalam kajian. Maka, kajian yang dilaksanakan oleh pengkaji telah lengkap.

5.3 Implikasi Kajian

Pada bahagian ini menegaskan implikasi yang diperolehi terhadap dapatan hasil kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji. Pemikiran yang dibawakan oleh P. Ramlee dalam filem dilihat sangat memahami sifat manusia, cerita kehidupan dan mementingkan kesantunan serta memberi teladan kepada masyarakat. Dengan adanya penyelidikan seperti ini akan mampu mengangkat filem-filem tempatan dan sekaligus memartabatkan adab kesantunan dalam budaya masyarakat. Segala isi-isi filem mempunyai nilai keindahan luaran dan dalaman yang membantu membuka minda dan kesedaran dalam diri masyarakat yang mampu membentuk peradaban yang unggul.

Kajian ini dilihat juga amat penting dalam diri pengkaji sendiri. Kajian terhadap disfemisme dapat membantu pengkaji dan menambah pengetahuan sedia ada dalam lebih memahami bidang kesusasteraan. Pengkaji mendapat pengetahuan bahawa kata-kata disfemisme boleh difahami melalui pemikiran sendiri dan tahu bahawa ianya kurang baik untuk digunakan namun mempunyai fungsi dan kesan terhadap kehidupan terutama dalam perbualan sehari-hari. Filem sebagai medium bagi mencari maklumat agar dapat menerokai dan menilai sendiri kebaikan dan keburukan untuk dijadikan manfaat dalam membentuk peribadi individu. Menerusi kajian ini secara jelas, filem yang mengandungi kata disfemisme ini dapat membantu masyarakat mengenal dan membezakan penyampaian makna dialog yang mengandungi pelbagai peristiwa berkaitan dengan masyarakat mengikut peringkat umur dan memerlukan pengawasan yang betul. Pengkaji sendiri juga sedar tentang perkara yang ditegur oleh pengkarya tersebut.

Seterusnya, kajian ini juga memberi gambaran dan kesan kepada masyarakat terutama generasi muda. Pengkajian terhadap unsur disfemisme melalui filem dapat membantu mereka membezakan dan mengawal penggunaanya dalam berkomunikasi. Hal ini demikian kerana unsur disfemisme yang mampu memberikan impak positif atau negatif kepada para khalayak. Pencegahan penggunaan unsur disfemisme dalam filem mampu menapis keburukan kepada khalayak. Bahasa yang digunakan oleh masyarakat akan berubah menjadi lebih sopan dan beradab setelah mengetahui kesan dalam kehidupan sehari-hari dan mampu mengurangkan penggunaan bahasa yang kasar dalam pertuturan.

5.4 Cadangan

Berdasarkan analisis dan hasil perbincangan yang dilakukan dalam kajian ini, pengkaji telah memberi beberapa cadangan yang difikirkan sangat sesuai untuk digunakan pada masa hadapan. Hal ini dikatakan demikian kerana kajian ini menjadi dapat medium pembentukan akhlak dan kesantunan dalam berbudi bahasa dalam masyarakat. Oleh sebab itu, beberapa cadangan yang bertepatan dan dikemukakan sesuai untuk masyarakat dan dapat membentuk peribadi.

5.4.1 Filem yang Dihasilkan Perlu Membentuk Minda Masyarakat ke Arah Kebaikan

Antara cadangan yang dikemukakan adalah filem yang dihasilkan perlu membentuk minda masyarakat ke arah kebaikan. Pemikiran masyarakat sekarang lebih menjurus ke arah dunia pemodenan. Filem-filem yang dikeluarkan kebanyakannya mengikut citarasa generasi muda yang lebih berfikiran terbuka. Segelintir daripada mereka mudah terpengaruh dengan anasir luar yang terdapat dalam media massa. Para pengkarya perlu memainkan peranan penting melalui jalan cerita yang mampu mengubah pemikiran generasi muda. Filem yang dihasilkan perlu memasukkan elemen sastera. Bahasa yang diguna pakai dalam dialog filem juga seharusnya bertindak sebagai agen pemangkin dalam sesebuah filem. Filem yang dihasilkan perlu mempunyai kriteria yang tersendiri. Pengkarya menggunakan kata-kata yang halus dan sopan, tidak menyentuh isu sensitiviti kaum serta memasukkan elemen yang membawa manfaat dalam kehidupan masyarakat. Unsur disfemisme yang diterapkan perlu ditapis dan penggunaannya sesuai dengan babak dan adegan filem. Tanggungjawab Seorang seorang pengkarya perlu digalas dengan betul agar hasil karya tidak menjatuhkan maruah seseorang. Oleh itu, filem yang

dikeluarkan dilihat mampu mengubah buah fikiran masyarakat ke arah kebaikan asbab pengkarya yang ikhlas, amanah dan jujur semasa menghasilkan karya.

5.4.2 Kementerian Pendidikan Perlu Menambah Baik Kandungan Silibus Subjek Berkaitan Kesusasteraan dan Menyediakan Kursus Tambahan bagi Para Pelajar

Cadangan yang seterusnya adalah kementerian pendidikan perlu menambah baik kandungan silibus subjek berkaitan kesusasteraan dan menyediakan kursus tambahan bagi para pelajar. Pihak-pihak berkepentingan dalam pendidikan seharusnya menjadikan kandungan silibus subjek kesusasteraan ini sebagai salah satu inisiatif membentuk peribadi di sekolah-sekolah dan tidak dilupakan juga institusi pengajian di Malaysia. Subjek ini seharusnya mengandungi kandungan yang menarik minat para pelajar mengenai bahasa. Dapat dilihat daripada pihak sekolah, dapat mewujudkan kelab sastera bagi murid-murid agar boleh didedahkan dengan pelbagai aktiviti yang menunjukkan keindahan bahasa semasa aktiviti kokurikulum. Murid-murid juga dapat menonjolkan bakat sama ada daripada segi penulisan atau persesembahan kebudayaan yang dianjurkan untuk menambah keyakinan diri. Pihak institusi pengajian tinggi juga boleh membuat kos tambahan yang mana pelajar selain bidang sastera dan warisan boleh mencuba subjek ini. Kebanyakan institusi-institusi pendidikan pada masa kini telah ditambah. Namun begitu, subjek kesusasteraan masih dipandang enteng dan para pelajar mengambil ringan akan subjek kesusasteraan terutama aspek bahasa akibat kurangnya pendedahan terhadap bidang kesusasteraan itu sendiri.

5.4.3 Pihak Industri Perfileman Perlu Menyediakan Dana Secukupnya Untuk Menghasilkan Filem Berkualiti

Cadangan berikutnya tidak lain dan tidak bukan adalah pihak industri perfileman perlu menyediakan dana secukupnya untuk mengangkat karya sastera. Pihak perfileman bertanggungjawab secara langsung untuk melakukan perubahan. Hakikatnya pihak kerajaan sewajarnya menyediakan dana yang cukup untuk para pengkarya agar dapat mengeluarkan filem berkualiti. Kebanyakan filem-filem ini mempengaruhi tindak tanduk masyarakat. Filem yang dihasilkan kebiasaannya mencerminkan budaya sesebuah bangsa. Filem berkualiti memaparkan realiti sebuah kehidupan dan juga mencipta fantasi bagi khalayak yang ingin menggamit kenangan ataupun melupakan perkara yang menyedihkan. Kebanyakan penghasilan filem pada masa kini lebih terpengaruh dengan anasir luar terutama dari segi penggunaan bahasa yang kedengaran kasar serta lebih menggunakan bahasa rojak.

5.4.4 Pengkaji Lain Harus Melaksanakan Kajian Tambahan

Cadangan selanjutnya adalah pengkaji lain melaksanakan kajian tambahan. Golongan akademik ini terdiri daripada guru, pensyarah dan penyelidik yang seharusnya menjadi golongan terpilih dan tunggak utama dalam membawa peranan pembangunan dan penyelidikan negara. Pengkaji juga boleh menjadikan kajian lepas sebagai rujukan kepada kajian-kajian lain pada masa akan datang. Hal ini demikian berdasarkan kepada hasil analisis kajian yang telah dijalankan tersebut berkaitan dengan tajuk kajian ini agar ianya dapat memberi manfaat serta dapat diutarakan kepada pelbagai pihak berkepentingan. Ianya akan menjadi salah satu faktor dalam

memperbanyakkan lagi kajian-kajian penyelidikan yang berkaitan dengan filem dan karya-karya sastera terutama tajuk kajian ini iaitu unsur disfemisme agar ianya dapat memberi kepentingan dan menjadi salah satu bahan rujukan kepada pelbagai pihak terlibat.

5.5 Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, kajian yang dijalankan berdasarkan unsur disfemisme dalam dialog filem *Tiga Abdul* dan *Pendekar Bujang Lapok* karya P. Ramlee telah memaparkan teladan yang cukup terhadap khalayak. Selain itu, pengkaji juga mengaplikasikan aspek kepimpinan melalui prinsip pemilihan kata dalam teori Konseptual Kata Kunci mengukuhkan lagi hasil kajian. Hasil penelitian pengkaji yang dilaksanakan terhadap unsur disfemisme dalam filem didapati mampu menjadi wadah kesantunan dalam berbudi bahasa melalui komunikasi harian. Demikian itu, dengan harapan agar disfemisme dalam budaya setiap lapisan masyarakat dapat dikawal dan mempraktikkan kata-kata halus agar melahirkan masyarakat yang berakhhlak demi membina sebuah peradaban yang unggul. Pengkaji turut berharap agar karya-karya filem berkualiti seperti P. Ramlee terus diangkat dan dipelihara kerana ianya bukan hiburan sahaja namun mempunyai makna tersurat dan tersirat.

BIBLIOGRAFI

A'idad Husna, Ery Kurnia, Fitri Icha & Muhammad Aflah. (2020). Disfemisme pada unggahan akun Twitter Areajulid. *Journal of Culture, Arts, Literature and Linguistics*, 6(2), 254-266.

<https://e-journals.unmul.ac.id/index.php/CALLS/article/view/2842/3412>

Adib Zakwan, Tengku Intan, Mardian Shah & Nurul Ain. (2020). Eutopia novel Baldatun Thoifyibatun dari perspektif teori Konseptual Kata Kunci. *Jurnal Pengajian Melayu, (JOMAS)*, 31(1), 112-132.

<https://mjlis.um.edu.my/index.php/JPM/article/view/27548>

Aharul Hakimin. (2018). *Konseptual- Kata Kunci terhadap konsep kemiskinan dan perjuangan dalam cerpen terpilih Norsiah Abdul Gapar*. [Master's thesis, University Malaya]. Universiti Malaya.

<https://studentsrepo.um.edu.my/14514/>

Basirah & Mohd Izhar. (2019). Penentuan hukum penggunaan baja daripada najis haiwan. *Fikiran Masyarakat*, 6(3), 136-147.

<https://kemalapublisher.com/index.php/fm/article/view/336>

Costantia. H. (2022). *Penggunaan eufemisme dan disfemisme dalam film “Cruella” kajian Semantik*. [Thesis, Program Studi Bahasa Inggris,Universitas Widjyatama].

<https://repository.widyatama.ac.id/items/6b5756ba-2aa5-483a-802e-87a9be7c158b>

Dewan Bahasa dan Pustaka. (Edisi Keempat). (2007). Dewan Bahasa dan Pustaka.

Dewan Bahasa dan Pustaka. (Edisi Keempat). (2010). Dewan Bahasa dan Pustaka.

Dewan Bahasa dan Pustaka. (Edisi Keempat). (2015). Dewan Bahasa dan Pustaka.

Dewan Bahasa dan Pustaka. (Edisi Keempat). (2021). Dewan Bahasa dan Pustaka.

De. Puteraja. [de.puteraja4035]. (2016, May 25). *P Ramlee Tiga Abdul 1964 hq full movie*. Youtube. <https://youtu.be/rB7Hh6l1HsI?si=wIav4DcVBl5qj-wv>

Ermira Nilansari & Laili Etika. (2022). Fungsi eufemisme dan disfemisme dalam siniar “Close The Door” Deddy Corbuzier. *Jurnal Onama: Pendidikan, Bahasa dan Sastra*, 8(1), 168-180.

<https://e-journal.my.id/onoma/article/view/1643>

Ence Surahman, Adri Satrio & Herminarto Sofyan. (2020). Kajian teori dalam penelitian. *JKTP: Jurnal Kajian Teknologi Pendidikan*, 3(1), 49-58.
<https://www.researchgate.net/profile/Ence-Surahman/publication/>

Elisa Nurul Laili. (2017). Disfemisme dalam Perspektif Semantik, Sosiolinguistik dan Analisis Wacana. *Lingua*, 12(2).
<https://download.garuda.kemdikbud.go.id/article.php?article=693381&val=5280&title=>

Habib Rois. (2021). Eufemisme dan disfemisme dalam karangan Emha Ainun Nadjib: “Hidup itu harus Pintar Ngegas dan Ngerem”. *Belajar Bahasa: Jurnal Ilmiah Program Studi Pendidikan Bahasa Dan Sastra Indonesia*, 6(1), 1-14.
<http://jurnal.unmuhjember.ac.id/index.php/BB/article/view/4031>

Icha Dwi dan Ngusman. (2023). Disfemisme dan fungsinya dalam kumpulan cerpen SaiA Karya Djenar Maesa Ayu. *Literasi: Jurnal Ilmiah Pendidikan Bahasa, Sastra Indonesia dan Daerah*, 13(1), 130-142.
<https://journal.unpas.ac.id/index.php/literasi/article/view/6829>

Jasni. (2010). Asimilasi hukum Islam dalam amalan perniagaan Melayu: Kajian ke atas beberapa manuskrip Melayu lama. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 21(1), 73-95.
<http://jummec.um.edu.my/index.php/JPM/article/download/25665/12041>

Kamus Pelajar. (Edisi Kedua). (2016). Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Kamus Saku. (2017). Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Khairy & Irdha Rina. (2021). Analisis pewarisan pusaka menurut Islam dalam filem klasik, Tiga Abdul. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* (e-ISSN: 2600-9080), 4(3), 178-198.
<https://www.bitarajournal.com/index.php/bitarajournal/article/view/236>

Maria Ayu, Eddy Setia dan Rohani Ganie. (2020). Dysphemism used in Deadpool movie paper title. *Lire Journal (Journal of Linguistics and Literature)*, 4(2), 125-139.
<https://www.lirejournal.ubb.ac.id/index.php/LRJ/article/view/73>

Mohdatif Abdullahsani. [mohdatifabdullahsani3179]. (2020, July 5). *Pendekar Bujang Lapok 1959 {full movie}*. Youtube. https://youtu.be/1Cij_LQNVHU?si=lNnAV9pQmmjv5DIK

Muhammad Luqman & Zulazhan. (2021). Leksikal eufemisme dalam al-Quran dan terjemahan dalam bahasa Melayu. *Asia Pacific Online Journal of Arabic Studies*, 4(1).
<https://samudera.um.edu.my/index.php/APOJAS/article/view/31274>

Munirah Zulkifli, Norazilah dan Nor Azlili. (2019). Eufemisme cerminan nilai sosio budaya masyarakat Malaysia. *Jurnal Sains Insani*, 3(2), 37-48.
<https://oarep.usim.edu.my/jspui/handle/123456789/5061>

Mahyuddin K. M. Nasution. (2017). *Merancang Pernyataan Masalah*. Universitas Sumatera Utara: Fakultas Ilmu Komputer Dan Teknologi Informasi (Fasilkom-TI).
<https://www.researchgate.net/profile/Mahyuddin-Nasution/publication>

Maimunah. (2017). Kepemimpinan dalam perspektif Islam dan dasar konseptualnya. *Al- Afkar: Jurnal Keislaman & Peradaban*, 5(1).
<https://doi.org/10.28944/afkar.v5i1.133>

Mohd Daud & Rohaidah. (2015). Mesej pengarang: satu penelitian terhadap novel Anak Titiwangsa karya sasterawan negara Keris Mas. *Internatioonal Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)*, 3(2), 17-25.
<https://core.ac.uk/download/pdf/33344499.pdf>

Mokmin. (2012). *Model Polisi Maklumat: Kes Malaysia*. [Thesis Doktor Falsafah. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia]. Universiti Kebangsaan Malaysia.
<https://www.academia.edu/download/32622831/>

Muhd Norizam & Nursyaza. (2020). Kepimpinan wanita dalam novel Matriark karya Samsiah Mohd. Nor. *Jurnal Melayu*, 530-547.
<https://core.ac.uk/download/pdf/395071829.pdf>

Mohd Nazri. (2012). Kepimpinan dan keunggulan wanita menerusi novel Doa Insan Berkasih. *Jurnal Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan*, 24(02), 45-60.
<http://eprints.iab.edu.my/v2/108/>

Mohamad Mokhtar Hassan. (2005). *Teori Konseptual Kata Kunci*. Kuala Lumpur. Universiti Malaya.

Nur Fara, Norlela & Siti Normala. (2022). Analisis Konseptual Kata Kunci tema kemanusiaan dalam lirik lagu Basyirah (2020). *Journal of Islamic*, 7(49), 62-74.
<https://www.researchgate.net/profile/Norlela-Ismail/publication/365231737>

Nur Afifah & Intan Zainatul. (2021). Aspek sosiologi filem Pendekar Bujang Lapok (1959). *Jurnal Melayu*, 487-505.
<https://journalarticle.ukm.my/18389/1/52629-173040-1-SM.pdf>

Nasrun Alias & Nurul Syuhada. (2021). Analisis ayat songsang dalam filem Seniman Bujang Lapuk Berdasarkan teori Ubah Alfa. *Jurnal Melayu, SI, (ISSN 1675-7513)*, 543-560.
<https://journalarticle.ukm.my/18392/1/52650-173136-1>

Norazilah, Nor Azlili & Nik Norazira. (2020). Unsur disfemisme: ragam bahasa dalam novel ‘Kasyaf Ain’. *Jurnal Sains Insani*, 5(1), 157-166.
<https://sainsinsani.usim.edu.my/index.php/sainsinsani/article/view/169>

Nabilah, Ghazali Din, Abdul Razak & Abdulroya. (2020). Unsur kosmos dalam kumpulan Puisi Selamat Pulang Juita karya Muhammad Haji Salleh. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 4(4), 97-112.

<https://www.mjsshonline.com/index.php/journal/article/view/209>

Nur Azimah, Halis Azhan & Roslina. (2018). Unsur eufemisme dalam dialog novel Songket Berbenang Emas. *Jurnal Mahawangsa* 5(1), 435-448.

<https://fbmk.upm.edu.my/upload/dokumen/20190424084319>

Nor Hafizah. (2016). Keagungan filem P.Ramlee di Malaysia: perspektif antara generasi. *Evaluating Student Teachers' Efficacy*, 2, 131.

https://www.academia.edu/download/63981792/Proceeding_FBK

Nik Rafidah (2013). Kepimpinan dalam novel Komponen Sastera dalam mata pelajaran bahasa Melayu (KOMSAS). *PENDETA*, 4, 96-115.

<https://ojs.upsi.edu.my/index.php/PENDETA/article/download/1136/816>

Perpustakaan Negara Malaysia. (2021). *Seniman Agong*. Dilayari pada 13 Jun 2023, daripada https://www.pnm.gov.my/yangpertama/Seni_Seniman.htm.

Rifka, Ririn & Emilda. (2023). Penggunaan disfemisme dalam tuturan anak-anak di Desa Bangka Jaya Kecamatan Dewantara-Aceh Utara. *UNDAS: Jurnal Hasil Penelitian Bahasa dan Sastra*, 19(1), 63-76.

<https://ojs.badanbahasa.kemdikbud.go.id/jurnal/index.php/undas/article/view/5270>

Rozita Ibrahim, Muhammad Rahimi & Hamid. (2018). Takrif kepimpinan, ciri-ciri pemimpin dan motivasi untuk memimpin menurut sudut pandang pemimpin wanita akar umbi. *Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*. 19(1), 28-42.

<https://core.ac.uk/download/pdf/242028777.pdf>

Rosmawati & Azimah. (2016). Analisis elemen patuh syariah dalam filem Nur Kasih (2011) berdasarkan teori filem Ar-Risalah. *Jurnal Komunikasi Malaysian*, 32(1), 580-602.

https://www.researchgate.net/profile/Rosmawati-Mohamad_Rasit/publication/324110308

Suzieyiana Ritos & Muhammad Zaid. (2020). Strategi penggantian disfemisme kepada eufemisme dalam komunikasi lisan masyarakat Bidayuh, Bau: Analisis Pragmatik. *Asian People Journal (APJ)*, 3(1), 64–83.

<https://journal.unisza.edu.my/apj/index.php/apj/article/download/153/119>

Sakinah Harumi, Nurul Shahirah, Nur Aslinda, Nurul Syuhada, Muhammad Hafiz & Siti Nur Anis. (2022). Prinsip pemilihan kata dalam cerekrama Ayahanda berdasarkan teori Konseptual Kata Kunci. *Eproceeding Webinar Pelestarian Warisan Budaya Di Persada Dunia 2022*.

<http://myscholar.umk.edu.my/bitstream/123456789/4479/1/ePROCEEDING>

Sharip Zainal & Zairul Anuar. (2020). Komposisi Tari Melayu dalam filem P. Ramlee Sumpah Orang Minyak (1958): analisis terhadap tarian Tudung Periuk. *Jurnal Gendang Alam* (GA), 10.

<https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/GA/article/download/2510/1660>

Siti Zuhaidah Zakeria & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi. (2014). Konflik dalam cerita rakyat dan kesannya kepada kanak-kanak. *PENDETA*, 5, 185-206.

<https://ojs.upsi.edu.my/index.php/PENDETA/article/download/1201/863>

Vioni Saputri, Syahrul Ramadhan & Yasnur Asri. (2019). Eufemisme dan disfemisme dalam novel Korupsi karya Pramoedya Ananta Toer. *Jurnal Bahasa, Sastra dan Pengajarannya*, 12(2), 197-207.

<https://osf.io/jhspx/download>

Veeramuthu, S. P. (2019). Kepemimpinan dalam novel Perang Sangkil: satu bacaan pendekatan Pengurusan. *Asian People Journal (APJ)*, 2(1), 169-182.

<https://journal.unisza.edu.my/apj/index.php/apj/article/view/45>

Zulzana, Mohamed & Roslina. (2012). *Hubungan antara minat, sikap dengan pencapaian pelajar dalam kursus CC301–Quantity Measurement*. Politeknik Port Dickson.

<https://www.academia.edu/download/54885079/1EduSem12.pdf>